



MALAYSIA

PENYATA RASMI
OFFICIAL REPORT

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KETIGA
Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

MENGANGKAT SUMPAH [Ruangan 753]

PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:

Allah Yarham Y.A.B. Tun Dr Ismail—Kematian [Ruangan 753]

Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong kepada
Ucapan Terima kasih [Ruangan 755]

Memperkenankan Rang Undang-undang [Ruangan 756]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 757]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 757]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 758]

USUL:

Ucapan Takziah kepada Toh Puan Hajjah Norashikin dan keluarga [Ruangan 754]

Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 822]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan
759]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 773]

MALAYSIA

PARLIMEN YANG KETIGA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG KETIGA

Hari Isnin, 6hb Ogos, 1973

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N.
(Dilantik).
- „ Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K.
(Dilantik).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N.
(Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar
Bandar, TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN,
P.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN AHMAD, S.M.T., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI ALI BIN HAJI ISMAIL, J.M.N., S.M.K., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN AMALUDDIN BIN DARUS, P.M.K., J.P. (Kelantan).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK DR CHEAH TOON LOK, D.P.M.K., D.M.K., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk
Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ AWANG DAUD BIN MATUSIN (Dilantik).
- „ DATUK FOO SEE MOI, D.P.M.K., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI HASSAN BIN HAJI YAAKUB, J.P. (Melaka).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K.
(Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P.
(Pulau Pinang).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya
Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ TUAN IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHD. YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK KHOO SIAK CHIEW, S.P.D.K. (Sabah).
- „ TUAN LEW SIP HON (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ Tuan G. LOUIS, J.P. (Dilantik).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMED (Kedah).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E.
(Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima
Raja (Pahang).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ DATUK TEMENGGONG OYONG LAWAI JAU, P.N.B.S., M.B.E. (Sarawak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Perlis).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK E. E. C. THURASINGHAM, D.P.M.J., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ TAN SRI S. O. K. UBAILDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN WONG SENG CHOW, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN YEAP KENG YAM, P.J.K. (Perak).
- „ TUAN ZAINUDDIN BIN HAJI MOHD. SIDIN, P.J.K. (Dilantik).

YANG TIADA HADIR:

- Yang Berhormat TUAN ABDULLAH BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, J.M.N., S.M.T. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK HAJI O. K. SAID BESAR SIGOH BIN SINGKUNAN, P.G.D.K.,
A.D.K., B.E.M. (Sabah).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J. (Pontian Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD, S.M.J. (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Lew Sip Hon.

PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA

ALLAH YARHAM Y.A.B. TUN DR ISMAIL—KEMATIAN

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagaimana yang kita ketahui rakyat dan negara Malaysia baharu sahaja kehilangan seorang pemimpin, negarawan dan patriot ulung dengan kematian mengejut Allah Yarham Yang Amat Berhormat Tun Dr Ismail bin Datuk Haji Abdul Rahman, Pemangku Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri pada hari Khamis, 2hb Ogos, 1973. Jenazah Allah Yarham itu telah selamat dikebumikan di Makam Pahlawan Masjid Negara pada 4hb Ogos, 1973.

Bagi memperingati Allah Yarham yang kita kasihan itu dan jasa-jasa beliau kepada

bangsa dan negara, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan semua yang hadir dalam Majlis ini untuk berdiri bertafakkur bersama saya selama satu minit dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diminta membacakan Fatimah.

(*Ahli-ahli berdiri bertafakkur selama satu minit*).

USUL

UCAPAN TAKZIAH KEPADA TOH PUAN HAJJAH NORASHIKIN DAN KELUARGA

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusuf): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Dewan ini dengan perasaan sedih dan penuh simpati atas kehilangan seorang pemimpin, negarawan dan patriot yang ulung, Allah Yarham Yang Amat Berhormat Tun Dr Ismail bin Datuk Haji Abdul Rahman, Timbalan Perdana Menteri pada hari Khamis, 2hb Ogos, 1973 dan menyampaikan takziah Dewan ini kepada balu beliau Toh Puan Hajjah Norashikin dan keluarga.

Tuan Yang Dipertua, oleh kerana kita sekalian telah cukup maklum dan sedar atas segala jasa-jasa Allah Yarham yang

tidak ternilai kepada bangsa dan negara Malaysia seperti yang telah disebut-sebut dan disiarkan semenjak akhir hayat beliau sehingga ke hari ini, maka saya mencadangkan bahawa Usul ini diterima tanpa perbahasan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini dengan perasaan penuh sedih dan penuh simpati atas kehilangan seorang pemimpin, negarawan dan patriot yang ulung, Allah Yarham Yang Amat Berhormat Tun Dr Ismail bin Datuk Haji Abdul Rahman, Timbalan Perdana Menteri pada hari Khamis, 2hb Ogos, 1973 dan menyampaikan takziah Dewan ini kepada balu beliau Toh Puan Hajjah Norashikin dan keluarga.

TITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG KEPADA UCAPAN TERIMA KASIH

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, yang akan saya bacakan sekarang:

“QUALUHUL-HAK

Warkah Al-Ikhlash Wal-Muhibbah iaitu daripada Beta Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badli Shah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Rabbul-amin ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Omar Yoke-Lin Ong, P.M.N., S.P.M.S., Yang Dipertua Dewan Negara Malaysia, yang ada beristirahat al-khair pada masa ini di bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan.

Ada pun kemudian daripada itu Beta memaklumkan bahawa surat Tan Sri bertarikh 8hb Mei, 1973 kerana menyampaikan ketetapan Ucapan Terima Kasih Majlis Dewan Negara Malaysia kerana Titah

Ucapan Beta pada masa membuka Persidangan Parlimen yang lalu telah Beta terima dengan selamatnya. Beta meminta kelapangan Tan Sri apalah kiranya Tan Sri menyampaikan terima kasih Beta kepada sekalian Ahli-ahli Majlis Dewan Negara Malaysia kerana membuat ketetapan tersebut dan jua di atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah ditunjukkan kepada Beta itu akan dikandungkan di dalam ingatan Beta selamanya.

Sekian sahaja Beta maklumkan serta disudahi dengan salam jua adanya.

Tandatangan:

TUANKU ABDUL HALIM MUADZAM SHAH
Termaktub pada 10hb Mei, 1973”.

MEMPERKENANKAN RANG UNDANG-UNDANG

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan iaitu Rang Undang-undang yang berikut ini telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong:

- (1) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan);
- (2) Rang Undang-undang Pertubuhan Peladang;
- (3) Rang Undang-undang Lembaga Pertubuhan Peladang;
- (4) Rang Undang-undang Pencen Balu dan Anak Yatim (Sabah) (Pindaan) (No. 2);
- (5) Rang Undang-undang Instituit Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Perusahaan Haiwan Negara (Pindaan);
- (7) Rang Undang-undang Perusahaan Sekuriti;
- (8) Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Pindaan);
- (9) Rang Undang-undang Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan);
- (10) Rang Undang-undang Kilang dan Jentera (Pindaan);
- (11) Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan);

- (12) Rang Undang-undang Pemegang Amanah Raya (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Kawalan Bekalan (Pindaan);
- (14) Rang Undang-undang (Perbadanan) Good Shepherd Nuns;
- (15) Rang Undang-undang Kesatuan Sekerja (Pindaan);
- (16) Rang Undang-undang Cukai Jualan (Pindaan);
- (17) Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan); dan
- (18) Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan).

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi pihak Majlis Dewan Negara, saya suka hendak mengalu-alukan Ahli Yang Berhormat yang baharu sebentar tadi mengangkat Sumpah di Dewan ini.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan Rakyat. Sekarang saya jemput Setiausaha membacanya.

(Setiausaha membacakan Perutusan).

“24hb Julai, 1973.

Tuan Yang Dipertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

- (1) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2);
- (2) Rang Undang-undang Letrik (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973);
- (4) Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
- (5) Rang Undang-undang Bank Simpanan Pejabat Pos (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara);

- (7) Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2);
- (9) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) (No. 2);
- (10) Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pencen dan Ganjaran) (Pindaan) (No. 2);
- (11) Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara;
- (12) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Maklumat Pekerjaan (Pindaan); dan
- (14) Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan).

Tandatangan:

YANG DIPERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang Dipertua, saya mohon memberitahu iaitu saya akan mengemukakan supaya Rang Undang-undang yang tersebut dalam perutusan ini dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat Dewan Negara yang berjalan sekarang ini.

- (1) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2);
- (2) Rang Undang-undang Letrik (Pindaan);
- (3) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1972 dan 1973);
- (4) Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
- (5) Rang Undang-undang Bank Simpanan Pejabat Pos (Pindaan);
- (6) Rang Undang-undang Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara);
- (7) Rang Undang-undang Pengambilan Tanah (Pindaan);
- (8) Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan (Pindaan) (No. 2);
- (9) Rang Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) (No. 2);
- (10) Rang Undang-undang Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pencen dan Ganjaran) (Pindaan) (No. 2);

- (11) Rang Undang-undang Biro Siasatan Negara;
- (12) Rang Undang-undang Perkapalan Saudagar (Pindaan);
- (13) Rang Undang-undang Maklumat Pekerjaan (Pindaan); dan
- (14) Rang Undang-undang Majlis Amanah Rakyat (Pindaan).

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

TOPI KELEDAR—LESEN-LESEN

1. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan (a) berapa banyak lesen-lesen membuat topi keledar telah dikeluarkan; dan (b) apakah nama-nama Syarikat yang telah berjaya membuatnya.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua,

(a) Hingga hari ini 20 buah syarikat telah diberikan kelulusan untuk mengeluarkan topi keledar. Lima daripadanya telah mendapat kelulusan dari Kementerian saya dan yang lainnya telahpun mengeluarkan topi keledar sejak beberapa lama lagi. Di antara lima syarikat yang diluluskan oleh Kementerian, tiga daripadanya telah mengambil keputusan untuk tidak mengeluarkan topi keledar. Semua syarikat-syarikat yang telah diberikan kelulusan untuk mengeluarkan topi keledar itu adalah dikenakan syarat yang topi keledar mereka hendaklah mematuhi chop standard yang dikenakan oleh SIM sebelum topi keledar mereka boleh dipasarkan.

(b) Setakat ini 17 buah Syarikat telahpun mengeluarkan topi keledar dan syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

(i) *Syarikat-syarikat yang telah mendapat pengesahan cop SIM:*

1. Johore Fibreglass—Muar.
2. Sin Sin Fibreglass (M) Sdn. Bhd.—Melaka.
3. Fibrite—Kuala Lumpur.
4. Fiberon—Kepong Baru, Kuala Lumpur.

5. Expandite Sdn. Bhd.—Petaling Jaya.
6. Long Seng Fibreglass—Penang.
7. Tiong Seng Industrial Plastics Sdn. Bhd.—Jinjang, Kuala Lumpur.
8. Safety Fibreglass—Jinjang North, Kuala Lumpur.
9. Associated Engineering Agencies—Kuala Lumpur.

(ii) *Syarikat-syarikat yang sedang di dalam pertimbangan SIM:*

1. Mazura Industries Sdn. Bhd.—Lorong Setapak, Kuala Lumpur.
2. Asia Fibreglass—Butterworth.
3. Leap Beng Fibreglass—Penang.
4. Maco Fibreglass—Kulai, Johore.
5. Cima Fibreglass—Johore Bahru.
6. Yong Chai—Johor Bahru.
7. Victor Fibreglass—Butterworth.
8. Syarikat Safety Fibre Industries—Butterworth.

MATAWANG SINGAPURA

2. Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Kewangan menyatakan berapa banyakkah matawang Singapura yang telah dikutip di Malaysia hingga 31-5-1973.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang Dipertua, Ahli Yang Berhormat tiada menyatakan dengan jelas samada ia bermaksud tentang jumlah matawang Singapura yang dikutip selepas penamatan Peraturan Saling Pertukaran Matawang pada 8hb Mei lepas atau jumlah yang dipungut semasa peraturan saling pertukaran berkuatkuasa. Jika selepas penamatan peraturan jumlah yang dipungut ialah \$128 juta dan jika semasa peraturan berkuatkuasa jumlahnya ialah \$1,436 juta.

SISTEM PINJAMAN PROF. UNGKU AZIZ

3. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Pelajaran menyatakan reaksi beliau terhadap memorandum rancangan sistem pinjaman yang dikemukakan oleh Prof. Ungku Aziz, Naib Canselor Universiti Malaya di atas perkara "Penubuhan Tabung Siswa untuk menggantikan Sistem Biasiswa Hadiah Kerajaan" sebagaimana yang tersiar dalam Utusan Malaysia pada 13hb Mei, 1973.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang telah diterangkan dalam Dewan Rakyat dalam sidangnyanya baru-baru ini, Memorandum rancangan sistem pinjaman oleh Prof. Ungku Aziz, sedang dikaji oleh Kerajaan, dan kerana itu tak dapatlah dinyatakan reaksi saya terhadap memorandum rancangan ini.

GURU BESAR SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA)— LANTIKAN

4. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) tujuan dan motif Ketua Pegawai Pelajaran Perak melantik seorang yang tidak berpengetahuan langsung dalam bahasa Cina samada tulisan atau lisan menjadi Guru Besar sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di Perak di mana bahasa pengantarnya adalah bahasa Cina; dan
- (b) adakah beliau sedar bahawa perlantikan seperti itu akan mendatangkan kerumitan dan kesusahan dalam pentadbiran dan penyeliaan am sekolah itu, dan persefahaman dan kerjasama di antara Guru Besar dan guru-guru serta kemungkinan menimbulkan salah faham dan perasaan takut kepada gulungan orang ramai terhadap tujuan sebenar dasar pelajaran Kerajaan; dan jika ya, adakah beliau akan mengambil langkah yang sesuai bagi membetulkan keadaan ini.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang Dipertua,

- (a) Saya kurang pasti sekolah manakah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang

Berhormat tersebut. Sekiranya sekolah yang dimaksudkan itu ialah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Bercam, Perak, suka saya menyatakan di sini bahawa adalah tidak benar Ketua Pegawai Pelajaran Perak melantik seorang yang tidak berpengetahuan langsung dalam bahasa Cina samada tulisan atau lisan menjadi Guru Besar Sekolah tersebut. Guru Besar Sekolah tersebut adalah seorang keturunan Cina dan mempunyai pengetahuan dalam bahasa Cina walaupun beliau tidak begitu mahir dalam dailek Mandarin.

Ketua Pegawai Pelajaran Perak—saya suka tegaskan di sini—tidaklah mempunyai apa-apa motif lain selain daripada untuk tujuan memperbaiki pentadbiran sekolah tersebut apabila beliau melantik guru yang berkenaan menjadi guru besar sekolah yang dimaksudkan itu. Ini ialah kerana menimbangkan yang guru besar tersebut mempunyai pengalaman yang lama sebagai seorang guru besar.

- (b) Dalam pada itu sekiranya ada perlantikan seorang yang tidak berpengetahuan langsung dalam bahasa Cina, samada tulisan atau lisan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina), perlantikan seperti itu mungkin boleh mendatangkan kesukaran pentadbiran dan penyeliaan am sekolah. Jika perkara seperti ini berlaku, pihak Lembaga Pengurus Sekolah boleh mengemukakan rayuannya dalam masa sebulan selepas perlantikan kepada pihak Kementerian Pelajaran untuk dipertimbangkan.

Tuan Yeap Kheng Yam: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Benarkah guru besar yang tersebut di atas telah ditukarkan ke sekolah lain?

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya sudah jelaskan, Tuan Yang Dipertua, tidak, kerana pihak Lembaga tidak menghantar rayuan terhadap pertukaran dia kepada Sekolah Bercam, Perak.

LEMBU—TERNAKAN DI SEMENANJUNG MALAYSIA

5. **Tuan Ibrahim bin Yaacob** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia di mana lembu-lembu ditenak di bawah kendalian Kementerian ini dan jumlah lembu-lembu yang ditenak di tiap-tiap kawasan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang Dipertua, kawasan-kawasan di Semenanjung Malaysia untuk ternakan lembu yang dikendalikan adalah seperti berikut:

	<i>Ekar</i>	<i>Ekor</i>	<i>Kenyataan</i>
(a) Pusat Ternakan Haiwan, Keluang (Johor)	2,000	2,000	} Lembu-lembu belum ditempatkan sepenuhnya.
(b) Pusat Ternakan Haiwan, Paroi (Negeri Sembilan)	170	400	
(c) Pusat Ternakan Haiwan, Ayer Hitam (Johor)	2,000	1,500	
(d) Pusat Ternakan Haiwan, Behrang Ulu (Perak)	3,600	200	
(e) Pusat Ternakan Haiwan, Tersat (Trengganu)	5,000	} Lembu-lembu masih belum dimasukkan di dalam rancangan-rancangan ini.	
(f) Pusat Ternakan Haiwan, Jelai Gemas (Negeri Sembilan)	5,000		
(g) Pusat Ternakan Haiwan, Padang Hijau, Kluang (Johor)	5,000		
(h) Pusat Ternakan Haiwan, Pahang Tenggara	5,000		

BERAS—KEKURANGAN

6. **Dr Lim Ah Sitt** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan memandangkan kepada kekurangan beras di seluruh dunia yang menjadi makanan utama bagi orang-orang Asia dan dengan yang demikian menyebabkan kenaikan harganya, samada beliau akan menghapuskan konsep asal menghadkan pengeluaran beras sebanyak hanya 90% untuk kecukupan sendiri dan sebaliknya menambahkan lagi pengeluaran padi yang mendatangkan hasil yang tinggi supaya membolehkan Malaysia cukup dalam pengeluaran beras bagi kegunaannya sendiri; dan jika ya, apakah langkah yang telah atau akan diambil oleh beliau untuk mencapai tujuan ini dan bilakah matlamat ini mungkin dicapai.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, kekurangan beras dalam dunia pada masa ini adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak baik, kemarau dan banjir yang telah berlaku di beberapa negara di Asia, Afrika dan Amerika Selatan. Ini telah menyebabkan kekurangan bahan-bahan makanan bukan sahaja beras tetapi juga gandum, bali, seki dan jagung. Pengeluaran tanaman bergantung kepada cuaca, benih, baja dan perkhidmatan perkembangan dan tunjuk-ajar. Oleh itu pengeluaran yang sebenarnya mungkin turun-naik di antara 5 hingga 10% daripada matlamat yang ditetapkan pada setiap tahun.

Saya suka mengulangi jaminan yang telah diberi oleh Kerajaan bahawa Malaysia mempunyai beras yang mencukupi walaupun ada dasar mengeluarkan beras sebanyak 90% sahaja pada keseluruhannya. Matlamat Kerajaan mengeluarkan beras tempatan sebanyak 90% daripada kecukupan keperluan sendiri itu adalah atas sebab-sebab yang tertentu. Satu daripadanya untuk menjamin pendapatan yang berpatutan kepada penanam-penanam padi.

Oleh yang demikian dasar pengeluaran beras sebanyak 90% untuk kecukupan keperluan sendiri itu tidak dapat dihapuskan dengan tiada terlebih dahulu dibuat penyemakan semula

tentang asas-asas yang telah dipakai. Kementerian Pertanian dan Perikanan sentiasa membuat pengkajian semula terhadap dasar pengeluaran beras sebanyak 90% daripada kecukupan keperluan sendiri.

Dalam hal ini Kementerian Pertanian dan Perikanan bekerjasama dan berhubung rapat dengan Lembaga Padi dan Beras Negara oleh kerana Perbadanan itulah yang telah diberi tugas dan kuasa, antara lain-lain, bagi mengatur penghasilan padi, mengatur pasaran dan mengawal pemindahan padi dan beras dengan tujuan menguatkuasakan pengekalan harga beras yang berpatutan lagi setabil bagi pengguna-pengguna.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat kawasan yang diusahakan bagi tanaman padi di Semenanjung Malaysia berjumlah seluas 926,300 ekar. Kerajaan telah mengadakan kemudahan-kemudahan untuk pengairan dengan perbelanjaan beratus-ratus juta ringgit untuk membolehkan tanah-tanah sawah di Kawasan Perairan Muda, Kawasan Perairan Kemubu, Kawasan-kawasan tanaman padi di Krian, Kuala Selangor dan Sabak Bernam di tanam dua musim setahun.

Setakat ini luas kawasan yang diusahakan dengan tanaman padi dua kali setahun ialah 487,850 ekar dan matlamat yang diletak pada pengakhiran Rancangan Malaysia Kedua ialah 590,000 ekar. Adalah dasar Kerajaan untuk menggalakkan penanam-penanam padi menanam jenis padi mutu tinggi sebagai Mahsuri, Bahgia dan Jaya. Pengeluaran padi telah bertambah dari setahun ke setahun seperti dalam angka-angka yang diberikan berikut:

	1969/1970	1970/1971	1971/1972	1972/1973
Padi ...	562,449,000 gtg	608,558,000 gtg	616,188,000 gtg	belum dapat diperolehi.
Beras ...	914,550 tan	989,530 tan	1,001,930 tan	serupa.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Di dalam masa yang mana seluruh dunia menghadapi kekurangan beras kerana cuaca dan sebagainya, adakah tanda-tanda yang pengeluaran padi di dalam negara kita ini menjadi kurang seperti di dunia seluruhnya ataupun bertambah. Sekiranya kurang, apa sebabnya; jika bertambah, apa sebabnya?

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tadi saya telah terangkan iaitu pengeluaran padi ini bergantung lebih besar kepada cuaca, dan daripada angka-angka yang telah saya bacakan tadi bolehlah diberikan penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu.

Dr Mahathir bin Mohamad: Maafkan saya, Tuan Yang Dipertua. Angka-angka yang diberi tadi cuma setakat tahun 1972 sahaja. Jadi tidak ada angka tentang tahun 1973 yang mana di dalam tahun 1973 inilah telah menjadi kekurangan beras di seluruh dunia kerana cuaca. Adakah cuaca di seluruh dunia itu tidak melibatkan cuaca di dalam negara kita, ataupun, negara kita ini terkeluar daripada dunia?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang Dipertua, izinkan saya menjawabnya.

Pada tahun yang lepas sungguhpun cuaca di dunia ini khasnya di negeri lain ada merosakkan tanaman-tanaman, sebagaimana kita maklum cuaca bagi tanaman padi di negeri ini tidak merosakkan atau mengurangkan pengeluaran padi di negeri kita.

GURU BESAR/PENOLONG KANAN— JAWATAN

7. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan kedudukan guru-guru besar, penolong-penolong guru besar dan pengelola-pengelola sekolah dan samada mereka telah digredkan dengan wajarnya untuk membolehkan mereka layak mendapat elaun kerana membuat kerja-kerja yang lebih berat selain daripada kerja-kerja mereka sendiri sebagaimana yang dibuat kepada pegawai-pegawai di perkhidmatan Kerajaan yang lain-lain, memandangkan kepada janji yang telah dibuat oleh beliau dalam Dewan ini pada 13-2-73 bahawa perkara ini akan diselesaikan pada akhir bulan Mac, 1973.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang telah dijelaskan dalam akhbar-akhbar tempatan pada 12hb Julai, 1973, tindakan untuk menggredkan jawatan-jawatan Guru-guru Besar dan Penolong-penolong Kanan di

semua sekolah sedang dijalankan. Tetapi **tindakan ini telah mengambil masa yang lebih lama daripada yang dijangkakan** disebabkan banyaknya jawatan-jawatan yang terlibat dan juga peringkat tugas-tugas dan tanggungjawab yang berlain-lainan. Walau bagaimanapun gred baru jawatan-jawatan tersebut akan dilaksanakan sebaik-baik sahaja urusan menggredkan jawatan-jawatan itu diselesaikan.

LAPURAN KECICIRAN

8. Tuan Yeap Kheng Yam minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) samada laporan mengenai keciciran akan menjadi satu buku panduan kepada Kerajaan untuk mengatasi masalah keciciran;
- (b) samada peperiksaan penilaian bagi Darjah III dan Darjah V akan dapat mengatasi masalah ini di masa akan datang;
- (c) mengapa Jawatankuasa yang dilantik untuk menyiasat masalah keciciran tidak mengakui bahawa satu daripada sebab-sebab utama keciciran ialah kemiskinan ibubapa;
- (d) samada masalah keciciran boleh dikatakan berlaku akibat mutu sekolah-sekolah yang tidak baik;
- (e) samada Kerajaan mengakui bahawa **masaalah ini timbul akibat keadaan ekonomi dan sosial**;
- (f) samada Kerajaan akan menubuhkan satu "Biro Murid-murid Miskin" untuk mengatasi masalah ini; dan
- (g) samada Kerajaan bersetuju bahawa pelajaran menengah percuma akan membantu mengatasi masalah ini.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, laporan berkenaan dengan keciciran kanak-kanak sekolah ini sedang dikaji oleh Pegawai-pegawai yang diberi tugas mengkaji laporan ini dan sebelum dapat teguran daripada pegawai-pegawai yang berkenaan di atas kajian ini maka tidaklah dapat diberi pendapat yang tepat samada buku ini boleh dijadikan buku panduan oleh pihak Kerajaan.

- (a) Pada masa ini saya belum dapat memberi jawapan yang tepat oleh kerana Jawatankuasa Pegawai-pegawai yang

mengkaji Laporan Keciciran tersebut masih lagi mengkajinya.

- (b) Peperiksaan Penilaian Darjah III dan Darjah V bukanlah bertujuan untuk mengatasi masalah keciciran. Peperiksaan Penilaian Darjah III adalah bertujuan untuk mengesan kelemahan murid-murid dalam matapelajaran-matapelajaran yang tertentu. Murid-murid yang lemah dalam mana-mana satu matapelajaran akan diberi pertolongan untuk maju dalam mata-matapelajaran tersebut di bawah Rancangan Pelajaran Imbohan (Compensatory Education). Peperiksaan Penilaian Darjah V pula adalah bertujuan antara lain untuk menentukan setakat mana Rancangan Pelajaran Imbohan telah berjaya memberi pertolongan kepada murid-murid.
- (c) Jawatankuasa Keciciran mengakui bahawa kemiskinan adalah satu daripada faktor-faktor keciciran tetapi bukanlah sebab yang terutama. Mengapa faktor kemiskinan bukan menjadi faktor yang terutama adalah dijelaskan dalam Laporan Keciciran tersebut. Ahli Yang Berhormat adalah diminta merujuk kepada Laporan tersebut kembali.
- (d) Perkara mutu sekolah yang tidak baik yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah satu perkara yang umum. Akan tetapi Laporan Keciciran telah menentukan bahawa kekurangan kemudahan-kemudahan dari segi bangunan, guru-guru dan kelengkapan-kelengkapan yang lain yang boleh mengakibatkan rendahnya mutu pelajaran di satu-satu sekolah itu terutama di sekolah-sekolah luar bandar, boleh menyebabkan keciciran ini berlaku.
- (e) Laporan Keciciran itu telah menyentuh mengenai hubungan antara keciciran dan keadaan ekonomi dan sosial, tetapi apakah benar keadaan ekonomi dan sosial mengakibatkan keciciran secara keseluruhannya belum dapat dipastikan oleh kerana Jawatankuasa Pegawai-pegawai sedang sebagaimana yang dimaklumkan tadi, mengkaji Laporan itu.
- (f) Masalah keciciran ini bukanlah masalah orang-orang miskin sahaja. Bagi murid-murid yang miskin, Kerajaan telah menjalankan beberapa

satu plan yang betul-betul menyeluruh di mana Wilayah Kuala Lumpur ini merupakan Ibu Kota bagi negara Persekutuan dan plan yang menyeluruh itu hendaklah disusun dari sekarang yang menembusi antara selatan dengan utara, barat dengan timur yang membolehkan penduduk-penduduk Ibu Kota dapat menemui tujuannya, dari selatan ke utara atau dari barat ke timur.

Misalnya, kita kata dari Sentul sampai Setapak—itu semua termasuk dalam kawasan Ibu Kota sekarang dan akan datang makin diluaskan lagi tidak ada jalanraya yang boleh ditembuskan betul-betul, kalau adapun sebatang jalanraya yang kecil yang melalui Sentul Pasar yang tembus sampai Setapak. Dari segi perbandaran dan Ibu Kota sepatutnya kita mempunyai jalan-jalan yang boleh membangun sebab tidak syak lagi Ibu Kota yang akan dibangunkan itu merupakan pembangunan bandar, ertinya bukan pembangunan kampung, tetapi pembangunan bandar di mana penduduknya, baik keturunan apa pun juga harus menyesuaikan dirinya di dalam pembangunan bandar tempat kediaman dan perniagaan. Jadi, kawasan-kawasan baru yang sedang dibina di sepanjang Jalan Kuching dan kawasan-kawasan yang baru yang akan termasuk Wilayah Kuala Lumpur semuanya patut difikirkan penyusunan jalanraya, penembusan dari satu tempat ke satu tempat. Perhubungan dari satu kawasan ke satu kawasan dan penempatan penduduk-penduduknya yang sesuai dengan tujuan Kerajaan untuk menunjukkan dan mencerminkan bangsa Malaysia di negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, di dalam kawasan kita ini ada juga apa yang dikatakan kawasan penempatan semula ataupun new villages yang dilahirkan di zaman General Templer yang menguasai Kerajaan Malaya zaman dahulu. Sistem yang diamalkan oleh General Templer di saat darurat mungkin sesuai pada waktu itu dalam usaha dan tindak-tanduknya untuk membentasi kejadian-kejadian yang timbul di waktu itu, akan tetapi tidaklah seharusnya dikekalkan selama-lamanya sehingga di zaman merdeka apatah lagi di zaman wujudnya Wilayah Kuala Lumpur yang bersendirian ini.

Pada himat saya, Tuan Yang Dipertua, patut difikirkan oleh Kerajaan bahawa kawasan-kawasan yang dikatakan kawasan perkampungan baharu yang dibangunkan di

atas asas-asas darurat di zaman dahulu harus juga disusun semula di mana penduduk-penduduknya boleh dipindahkan ke tempat-tempat yang lain, yang lebih menasabah dalam pembangunan di mana percampuran penduduk di antara berbagai-bagai gulungan dan keturunan dapat diwujudkan; yang demikian tapak yang ada perkampungan-perkampungan new village, pada satu-satu perkampungan baharu yang lama itu boleh disusun kembali di mana penduduk-penduduknya dapat mencerminkan kehendak penduduk berbilang bangsa di negara kita ini. Dengan yang demikian, Kuala Lumpur ini menjadi model yang kita harap-harapkan.

Tuan Yang Dipertua, satu hal yang saya musykil di dalam Fasal 8 ini, perenggan akhir, di perenggan bawah, iaitu sesudah Kuala Lumpur menjadi satu wilayah yang tersendiri, yang hakmilik dan kuatkuasanya berpindah kepada Kerajaan Persekutuan, tetapi masih lagi tercatat di dalam ini:

“Dengan syarat selanjutnya bahawa walau apa-apa jua dalam Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960, Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik seorang yang dinamakan oleh Raja bagi Negeri Selangor untuk menjadi seorang ahli Lembaga Penasihat di bawah seksyen 6 Akta itu, atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang menggantikan Akta itu”.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Peguam Negara apabila tiba waktunya.

Saya pada mulanya berasa ragu sedikit akan tetapi penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Peguam Negara sewaktu mengemukakan Rang Undang-undang itu tadi tidak agak jelas kepada saya, iaitu pemindahan kekuasaan ini termasuk soal-soal kuasa mengampun dan juga soal hal ehwal agama Islam. Maka apa yang saya mahu menarik perhatian sekarang ini ialah sama seperti yang saya maksudkan tadi bahawa Kuala Lumpur wilayah yang tersendiri ini harus menjadi model dalam segala segi. Kita perlu ada satu Majlis Ugama Islam, tetapi saya rasa tidak perlu dikaitkan dengan adat istiadat Melayu. Satu Majlis Hal Ehwal Ugama Islam yang ditadbirkan langsung di bawah Kerajaan Persekutuan, tetapi tidak perlu dikaitkan adat-istiadat Melayu, di mana Majlis Ugama Islam ini harus menjalankan pentadbiran hal ehwal ugama Islam

Tuan Yang Dipertua, akhirnya saya berharap pada Kerajaan Pusat akan memberi wang yang cukup kepada Kerajaan Negeri Selangor sebagai ganti rugi kerana Kerajaan Negeri berkehendakkan berjuta-juta ringgit untuk membina Shah Alam, untuk membina pejabat-pejabat Kerajaan dan juga membina rumah-rumah bagi kakitangan Kerajaan kerana tempat itu jauh, Shah Alam. Seboleholehnya Kerajaan Negeri Selangor akan membina pejabat-pejabat yang lebih endah dari yang sekarang dan inilah berkehendakkan wang berjuta-juta ringgit. Jika binaan-binaan yang didirikan itu modern, cantik, maka Kerajaan Persekutuan juga akan mendapat nama baik.

Tuan Yang Dipertua, sekianlah pandangan-pandangan saya berkenaan dengan Bil ini. Saya menyokong 100 peratus untuk diluluskan.

Tuan Amaluddin bin Darus: Tuan Yang Dipertua, saya bangun bercakap sedikit dalam membahaskan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) berhubung dengan apa yang dikatakan Wilayah Persekutuan iaitu ibukota negara kita. Kita semua telah maklum, Tuan Yang Dipertua, bahawa Rang Undang-undang ini akan datang ke Dewan yang mulia ini pada bila-bila masa sahaja setelah kita meluluskan pindaan Perlembagaan pada masa yang lalu berhubung dengan ini dan tidak ada sebab sesiapa juga di Dewan ini akan menentang Rang Undang-undang ini kerana terbukti dalam perhabasan yang lalu semuanya telah memberi sokongan.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian tentang wujudnya Wilayah Persekutuan ini di dalam Fasal 6 (1) ada menyebutkan: "Undang-undang Negeri yang sedia ada dan berkuatkuasa di dalam Wilayah Persekutuan itu hendaklah berkuatkuasa seterusnya di dalamnya sehingga dimansuhkan, dipinda atau digantikan dengan undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen. Memanglah wajar Rang Undang-undang yang disediakan begini rupa sebagai satu persediaan dalam melaksanakan peralihan di mana banyak undang-undang atau peraturan-peraturan atau undang-undang kecil yang terpaksa disesuaikan dari semasa ke semasa, akan tetapi tidak dapat dilakukan dengan serta-merta dalam tempoh yang begini singkat menjelang 1hb Februari, 1974, akan tetapi saya suka hendak menarik perhatian kepada pihak Kerajaan Pusat

bahawa Kuala Lumpur ibu kota negara kita yang akan menjadi sebuah wilayah yang tersendiri dalam negara Persekutuan sekarang ini adalah kepunyaan setiap orang rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia dari Selangor pergi ke Perak dia akan menemui keadaan orang Perak dan orang Selangor, tetapi setiap orang baik di Selangor atau di Sabah atau di Perlis akan merasa dia mempunyai sesuatu yang dimiliki bersama iaitu Wilayah Kuala Lumpur yang menjadi kepunyaan bersama. Dengan ini memberi peluang kepada Kerajaan Persekutuan untuk membuktikan bahawa Kuala Lumpur adalah model, Kuala Lumpur ini menjadi milik bersama rakyat Malaysia biar di mana juga mereka berada adalah satu model dalam usaha menyatupadukan, adalah satu model dalam usaha membangun ekonomi, adalah satu model dalam usaha membentuk satu rupa bangsa yang kita katakan Malaysia semenjak beberapa lama dahulu, tetapi sampai sekarang belum dapat dilahirkan sebenar-benarnya seperti yang diharapkan.

Tuan Yang Dipertua, seberapa cepat yang boleh pihak Jabatan Peguam Negara menyusun satu demi satu undang-undang yang patut ditinjau dan disusun semula bagi menjadikan Kuala Lumpur ini model adalah sebaik-baiknya supaya dapat ditunjukkan kepada semua rakyat Malaysia dan juga kepada orang-orang lain di luar negara Malaysia, betapa Kuala Lumpur dapat dimajukan begitu rupa menjadi model kepada bangsa Malaysia yang baru.

Dalam pada itu, saya sukacita hendak menarik perhatian kepada Fasal 8 yang menegaskan di sini: "Wilayah Persekutuan itu hendaklah ditadbirkan mengikut Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960 sebagaimana dipinda dari semasa ke semasa oleh Parlimen".

Saya berasa sangat dukacita sebab saya tidak dapat menemui satu potongan akhbar apa yang dikatakan oleh seorang Yang Berhormat, saya tidak ingat namanya, tentang Ibu Kota kita ini tidak mempunyai Master Plan yang sebenar-benarnya. Kiranya benar begitu dalam satu persidangan antara-bangsa seorang wakil kita telah mengakui tidak ada Master Plan bagi Ibu Kota Kuala Lumpur, jadi adalah satu perkara yang sangat dikesalkan. Terlanjur dalam usaha membangun wilayah Kuala Lumpur yang tersendiri ini, maka sudah patutlah difikirkan

suka memberi tahu Dewan yang bertuah ini bahawa lima orang yang akan menjadi ahli ini tidak seorang juapun akan didapati oleh orang bumiputra sehingga bila-bila masa jua pun. Kerana saya berkali-kali bercakap di Dewan yang bertuah ini orang-orang bandar kebanyakannya terdiri dari orang-orang yang bukan bumiputra. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan Pusat agar mengambil ingatan iaitu akan melantik dua orang ahli Dewan Negara dari orang bumiputra untuk membela nasib-nasib orang bumiputra yang tinggal di bandar atau di Wilayah Persekutuan ini. Pada masa ini juga tidak seorang juapun Wakil Rakyatnya dari orang bumiputra yang duduk di bandar Kuala Lumpur ini, kalau ada dilantik dua orang bumiputra di Dewan Negara ini, orang-orang ini boleh mewakili segala kawasan di Wilayah Persekutuan ini. Jikalau tidak, orang-orang bumiputra akan menjadi anak dagang di negaranya sendiri. Inilah rayuan saya kepada Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya juga merayu kepada Kerajaan apabila berjalan kuatkuasa Wilayah Persekutuan ini supaya segala tanah-tanah Simpanan Melayu (Malay Reservation) di Kampung Segambut dan di Kampung Sungai Pencala tidak dibenarkan sekali-kali ditukar syaratnya sehingga bila-bila masa juapun. Begitu juga saya merayu, kedua kawasan Simpanan Melayu ini tidak akan dikenakan assessment di dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, kerana saya tahu benar kedudukan kedua-dua kampung ini orang-orang Melayunya yang tinggal di kawasan ini adalah terdiri dari orang-orang yang dhaif kebanyakan mempunyai rumah dan tanah kebun getah yang sudah tua-tua dan mempunyai anak-anak yang banyak khususnya di Kampung Sungai Pencala; lampunya tidak ada, jalan tidak ada, air tidak ada, kerja-kerja orang-orang kampung menoreh getahnya sendiri dan hari-hari tidur, belum lagi merasa nikmat kemerdekaan sungguhpun kita sudah merdeka 16 tahun. Oleh itu saya merayu lepaskanlah mereka dari membayar assessment sekurang-kurangnya 10 tahun yang akan datang. Mereka belum lagi merasai nikmat kemerdekaan kita dan dengan adanya kampung-kampung ini masuk ke Wilayah Persekutuan, kedua-dua kampung ini patut dibela, diberi jalan, lampu, air dan sekolah-sekolah yang cukup.

Tuan Yang Dipertua, apabila berjalan kuatkuasa Wilayah Persekutuan ini, saya juga merayu kepada Kerajaan supaya sebuah Pejabat Ugama berasingan dari Negeri Selangor akan didirikan, kadhi-kadhi, penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan pegawai-pegawai masjid yang bergaji juga patut diadakan, kerana untuk menjaga hal ehwal ugama dan adat istiadat Melayu, jangan hilang di wilayah Persekutuan ini. Kalau ini tidak dapat diadakan, saya takut orang-orang Melayu akan jadi khayal di Wilayah Persekutuan ini; ugama entah ke mana, adat resam entah ke mana, leka dengan kebendaan sahaja dan mati dalam kefukuran—*nauzu billahi minzafik, minna berlindung kepada Allah.*

Tuan Yang Dipertua, saya juga meminta kepada Kerajaan apabila Wilayah Persekutuan ini berjalan kuatkuasanya, satu Pejabat Pelajaran yang berasingan dari Negeri Selangor akan dibuat untuk menjaga kemajuan pelajaran anak-anak penduduk-penduduk yang ada di Wilayah Persekutuan ini. Jikalau tidak dibuat, ini akan melemahkan pentadbiran dan akan bertelingkah dengan Kerajaan Negeri, sedangkan sekarang juga pada tiap-tiap tahun kecoh berkenaan dengan pertukaran guru-guru, pertukaran murid-murid, buku-buku teks dan sebagainya. Oleh itu, dari sekarang saya ingatkan bahawa saya suka juga memberitahu iaitu saya sangat-sangat berasa kesal atas perjalanan Bandaraya yang ada sekarang ini: ada anak kandung dan ada anak tiri. Apa yang terjadi di kawasan saya sendiri di Batu Village? Batu Village iaitu di bawah jagaan Bandaraya Kuala Lumpur dan kami semua kena membayar assessment, tetapi kami tidak diberi tempat sampah atau tong-tong besar tempat membuang sampah. Apa yang dibuat oleh kuli-kuli Bandaraya, hampir segala sampah-sampah di kawasan Batu Village dipungut dengan kereta kayu, yang lapuk ditolak dan dibuang ke Sungai Batu dan apa sudah jadi air Sungai Batu sangat cetek, sampah-sampah dan tayar-tayar lama itu apabila dibuangkan ke Sungai Batu tidak hanyut dan menjadi tempat nyamuk bersarang, tetapi bandar Kuala Lumpur semuanya dibersihkan, kami di Batu Village dianaktirikan. Apabila kawasan-kawasan yang lain itu masuk ke wilayah Persekutuan kelak hendaklah dijaga dengan cukup jangan macam sekarang yang terjadi di Batu Village.

lengkap daripada Negeri Selangor kepada Kerajaan Persekutuan termasuklah hak kedaulatan pengampunan dan bidangkuasa dan Ugama Islam Wilayah Persekutuan. Pindaan itu adalah mustahak seperti yang demikian supaya pemindahan bidangkuasa dan kuasa-kuasa itu tidak akan menimbulkan apa-apa jua keraguan atau pertikaian kelak.

- (2) Pindaan kepada Jadual Ketiga belas adalah juga termasuk suatu pindaan bagi memotong perkataan-perkataan "supaya pada setengah-setengah tempat, suatu bahagian pilihanraya di luar-bandar boleh mengandungi hanya satu perdua daripada bilangan pemilih-pemilih dalam sesuatu kawasan pilihanraya di bandar" yang terdapat dalam perenggan (c) seksyen 2 Jadual itu. Pindaan ini ialah untuk memberikan peluang yang lebih luas kepada Suruhanjaya Pilihanraya menggunakan budibicaranya dalam menentukan langkah-langkah mengenai imbalan yang patut diberi kepada kawasan luar bandar yang mana, oleh kerana keadaan-keadaan yang tertentu, mengalami kekurangan jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan di bandar.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentulah faham bahawa berkenaan dengan tanggungjawab Ahli-ahli yang mewakili kawasan pilihanraya luar bandar yang luas seperti misalnya Ulu Kelantan, Kuala Lipis dan Pekan adalah jauh berbedza dengan Ahli Yang Berhormat dari Bangsar ataupun Bukit Bintang. Kesulitan perhubungan dengan penduduk-penduduk yang diam di kampung-kampung yang terpencil memerlukan semula kawasan pilihanraya supaya membolehkan Wakil-wakil Rakyat memberikan perhatian dan layanan yang lebih saksama kepada pengundi-pengundi mereka.

Lain-lain peruntukan dalam Rang Undang-undang ini adalah diterangkan dalam Huraianya dan tidaklah memerlukan saya memberi penjelasan lagi.

Bagi mengelakkan keraguan atau ke-bimbangan di mana-mana pihak, saya suka juga memaklumkan kepada Dewan ini bahawa Ahli-ahli Parlimen dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor akan terus memegang kerusi mereka selepas penubuhan

Wilayah Persekutuan atau Federal Capital sehingga Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri Selangor dibubarkan.

Tuan Yang Dipertua, penubuhan Wilayah Persekutuan yang akan diletakkan pentadbirannya dengan secara langsung akan membuka jalan bagi memperhebatkan kemajuan dan pembangunan Kuala Lumpur sesuai dengan kedudukannya sebagai Ibu Negara Malaysia serta setanding dengan ibu negara lain yang lebih maju di dunia hari ini. Dalam menjalankan kemajuan dan pembangunan ini Kerajaan akan sentiasa berhati-hati supaya penduduk-penduduknya yang terdiri dari berbagai-bagai bangsa, ugama dan kebudayaan hidup dalam kesenangan, kemewahan dan saling mengerti antara satu sama lain yang benar-benarnya mencerminkan masyarakat Malaysia yang sejati pada pelawat-pelawat dari luar negeri yang mula menjejak tanah ke negeri ini.

Akhirnya, saya suka merakamkan penghargaan Kerajaan Persekutuan di atas kemurahan hati dan pengorbanan yang ditunjukkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang telah memperkenankan penubuhan Wilayah Persekutuan ini serta juga kepada Kerajaan Negeri Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Haji Harun bin Idris.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kebajikan Am (Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong Bil ini untuk diluluskan dan memberikan pendapat-pendapat saya.

Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah menyerahkan sebahagian takluknya kepada negara untuk faedah bangsa, tanahair dan ugama. Ini satu-satu penghargaan yang tidak ternilai harganya yang patut kita catitkan di dalam sejarah negara kita.

Tuan Yang Dipertua, sungguhpun saya menyokong seratus peratus usul atas Bil ini, tetapi ada yang saya musykilkan iaitu di muka 7, Fasal 12. Perkara 46 (2) (b) lima orang ahli dari Wilayah Persekutuan. Saya

penguntungan-penguntungan mengikut Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Semenjak Hari Malaysia, bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat dari Sabah dan Sarawak adalah menurut penguntungan mengikut negeri-negeri—seperti yang ditentukan dalam Perkara 46 (2) yang sedia ada dalam Perlembagaan kita. Angka yang diuntungkan bagi Sabah dan Sarawak telah ditetapkan melalui perundingan dan oleh yang demikian tidaklah berasaskan bilangan penduduk-penduduk dalam dua negeri itu. Adalah didapati dari Suruhanjaya Cobbold bahawa "potential" Negeri-negeri Borneo telah juga ditimbang bagi menentukan angka-angka itu. Di bawah Perkara 46 yang sedia ada itu, bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat bagi tiap-tiap satu Negeri di Semenanjung Malaysia akan ditentukan mengikut prinsip-prinsip yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga belas kepada Perlembagaan. Ini adalah diperuntukkan dalam Perkara 116 (1) dan (2) yang sedia ada yang menyatakan bahawa:

"116. (1) Bagi memilih Ahli-ahli Dewan Rakyat, sesuatu unit ulangkaji hendaklah dibahagi kepada beberapa kawasan pilihanraya mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas.

(2) Jumlah bilangan kawasan pilihanraya hendaklah sama dengan bilangan ahli-ahli supaya seorang ahli dipilih bagi tiap-tiap satu kawasan pilihanraya, dan daripada jumlah bilangan kawasan pilihanraya dalam Negeri-negeri Tanah Melayu ini sebilangan yang ditetapkan mengikut peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Jadual Ketiga belas hendaklah diuntungkan bagi tiap-tiap satu Negeri".

Prinsip-prinsip yang diikuti bagi menentukan bilangan itu di bawah peruntukan-peruntukan yang sedia ada itu adalah dinyatakan dalam seksyen 2 Bahagian 1 Jadual Ketiga belas.

Kerajaan kita mendapati perlu atas alasan-alasan penduduk-penduduk yang telah bertambah ramai, perpindahan penduduk-penduduk disebabkan perkembangan ekonomi dan juga potential Negeri-negeri di Semenanjung Malaysia ini masa hadapan negara ini, maka amatlah wajar ditambah bilangan kawasan pilihanraya di Negeri-negeri Semenanjung Malaysia supaya memberi pengundi-pengundi perwakilan yang saksama dalam Dewan Rakyat.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ini hanya memerlukan suatu pindaan yang terus terang kepada Perlembagaan Persekutuan dengan syarat, bagaimanapun, pindaan itu adalah diluluskan dengan lebihsuara dua pertiga—menurut Perkara-perkara 159 (4) (bb) dan 161E Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, bagi maksud ini, adalah perlu supaya Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan itu diperkanunkan semula mengikut cara yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang ini. Sebagaimana hasil dari pindaan itu, pindaan-pindaan berbangkit adalah juga perlu kepada Perkara-perkara 113 dan 116 dan juga kepada Jadual Ketiga belas.

Untuk memudahkan, maka Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 adalah dibahagi kepada tiga bahagian. Bahagian I adalah berkenaan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan. Pindaan-pindaan berbangkit berkenaan dengan melaksanakan penubuhan Wilayah Persekutuan dan pemindahan bidangkuasa-bidangkuasa adalah terkandung dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini. Bahagian II Rang Undang-undang ini adalah berkenaan dengan perkara-perkara berhubung dengan pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan. Bahagian III pula Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan am berhubung dengan ulangkaji yang akan dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya selepas sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan dan untuk menyangkal kuatkuasa laporan-laporan dan syor-syor Suruhanjaya Pilihanraya yang telahpun dibuat tetapi belum lagi diambil terima semata-mata oleh kerana laporan-laporan dan syor-syor itu telah didahului oleh perkara-perkara berikutan dengan pindaan-pindaan yang tersebut di atas tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya suka hendak membuat penjelasan-penjelasan tertentu mengenai perkara-perkara yang berikut:

- (1) Berkenaan dengan penubuhan Wilayah Persekutuan, pemindahan bidangkuasa dan kuasa-kuasa sebagaimana dinyatakan dalam Fasal-fasal 3, 4, 5 dan 9 dan pindaan-pindaan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Rang Undang-undang ini berhubung dengan pindaan-pindaan kepada Perkara-perkara 3, 11, 42 dan 97 adalah suatu pemindahan bidangkuasa dan kuasa-kuasa yang

miskin daripada mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar kerana mereka tidak mempunyai tanah untuk bercucuk tanam. Ini satu kesimpulan samada diterima oleh Kerajaan, saya tidak tahu. Adakah kesimpulan ini betul atau tidak?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kerajaan tidak menerima segala kesimpulan atau segala cakap-cakap seperti itu kerana masalah kemiskinan ini, Tuan Yang Dipertua, di luar bandar pun ada dan di dalam bandar pun ada bagi orang Melayu, dan bagi orang bukan Melayu di luar bandar pun ada yang miskin, dalam bandar pun ada yang miskin. Tetapi kita semua tahu dengan sebab orang Melayu banyak yang tinggal di luar bandar, maka banyaklah orang Melayu yang miskin di luar bandar dan di dalam bandar tak banyak orang Melayu, maka tak banyaklah orang Melayu yang miskin yang ada dalam bandar. Yang mana yang lebih miskin itu, kita tak boleh tahu juga, kerana kita berkehendakkan statistik dan lain-lain. Kalau kita kata orang Melayu dalam bandar lebih miskin daripada orang Melayu di luar bandar, kerana tak dapat bercucuk tanam, tetapi dalam bandar dia senang boleh mencari pekerjaan, penjajaan berjualan dan lain-lain dan bermacam-macam pekerjaan sementara yang ada di dalam bandar. Di luar bandar pula tak ada. Kalau dibandingkan dari segi itu, senang pula orang Melayu dalam bandar. Kesimpulannya ini semua adalah tidak benar. Itulah pendapat saya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2)

Bacaan Kali Yang Kedua

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) dibaca bagi kali yang kedua.

Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin ingat bahawa dalam Sidang Dewan dalam bulan April yang lalu Akta Perlembagaan (Pindaan), 1973, telah diluluskan meminda Jadual Kelapan kepada Perlembagaan Persekutuan bagi maksud membolehkan Dewan Negeri Selangor meminda takrif

"Negeri" dalam Perlembagaan Negeri Selangor mengikut keputusan lebihsuara.

Sebagaimana diterangkan dalam Dewan ini pada masa itu, pindaan kepada Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan ialah langkah pertama yang perlu dalam proses undang-undang bagi melaksanakan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kemudian daripada itu, Dewan Negeri Selangor telah meluluskan Enakmen Selangor untuk mematuhi peruntukan Akta Perlembagaan (Pindaan) 1973 itu.

Sebagaimana diterangkan pada masa itu, mengikut kehendak-kehendak Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan, Majlis Raja-raja kenalah juga memberi persetujuan terhadap kelulusan suatu undang-undang Persekutuan untuk mengubah sempadan-sempadan Negeri Selangor dan juga terhadap peruntukan-peruntukan lain dalam undang-undang itu berhubung dengan pemindahan bidangkuasa dan kedaulatan Raja Negeri Selangor. Saya juga suka hendak memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja telahpun memberi persetujuan Baginda-baginda dalam Majlis Raja-raja yang diadakan baru-baru ini.

Selain daripada yang tersebut di atas tadi, Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan adalah juga menghendaki Dewan Negeri Selangor membenarkan melalui undang-undang Negeri itu supaya undang-undang Persekutuan itu diluluskan. Kebenaran ini melalui undang-undang Negeri Selangor telah juga diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor dalam mesyuaratnya yang diadakan pada 4hb Julai yang lepas. Pendeknya, saya sukalah hendak memberitahu Dewan ini bahawa segala kehendak Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan telahpun dipatuhi supaya Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973 yang ada sekarang ini di hadapan kita diluluskan.

Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini bukanlah sahaja mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan penubuhan Wilayah Persekutuan bahkan juga mengandungi peruntukan-peruntukan berhubung dengan pindaan kepada Perkara 46 Perlembagaan. Kerajaan berpendapat bahawa adalah مناسب mengambil peluang ini untuk meminda Perkara 46 Perlembagaan bagi maksud menyusun semula keanggotaan Dewan Rakyat dengan cara

Tahunan yang dikemukakan di dalam Parlimen. Kebanyakan rancangan-rancangan ditujukan kepada kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar. Rancangan-rancangan ini terutamanya adalah untuk mengadakan peluang-peluang pekerjaan yang produktif dengan pesatnya di dalam bidang-bidang perindustrian, pembinaan, perdagangan dan perkhidmatan selain dari rancangan-rancangan pembukaan tanah yang bertempat di luar bandar.

Rancangan di bawah Dasar Ekonomi Baru ini juga bertujuan untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kepada golongan miskin, penduduk-penduduk seperti rancangan rumah murah, perbekalan air dan elektrik, perkhidmatan kesihatan, pelajaran dan latihan dan lain-lain. Rancangan-rancangan ini merupakan sebahagian besar dari perbelanjaan sektor awam di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

Dr Mahathir bin Mohamad: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Memandang kepada seringkali kita mendengar bahawa orang miskin di luar bandar adalah lebih kaya daripada orang miskin di dalam bandar dan juga oleh kerana kita tahu bahawa kerap kali terjadi orang-orang daripada luar bandar itu masuk ataupun datang ke bandar-bandar untuk mencari kerja, adakah pihak Jabatan Perdana Menteri ingin mengadakan siasatan yang mendalam untuk menentukan samada orang-orang miskin di luar bandar itu kurang miskin daripada di dalam bandar supaya dengan data-data yang akan didapati itu tidak akan lagi timbul perasaan bahawa Kerjaan menumpukan terlalu banyak pertolongan kepada orang-orang miskin di luar bandar daripada orang-orang miskin di dalam bandar.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Nampaknya perkara itu, Kerajaan akan membuat siasatan dalam perkara ini sungguhpun bagi pihak Kerajaan telah beberapa kali memberitahu pada pihak penduduk di luar bandar jangan dengar cakap-cakap orang dan selalu datang ke bandar kononnya orang di luar bandar lebih miskin, pendapatan kerja dan lain-lain adalah senang didapati di dalam bandar, tetapi tiba-tiba apabila dia sampai di dalam bandar maka didapati sungguhpun gajinya kadang-kadang lebih besar daripada pendapatan di luar bandar, tetapi perbelanjaan di dalam bandar sebagaimana kita

telah maklum, rumah, makanan dan lain-lain adalah lebih tinggi. Ada pula yang berhijrah balik ke luar bandar. Perkara ini semua kita telah maklum dan penerangan mengenai perkara ini telahpun dibuat oleh Kerajaan. Walaubagaimanapun kita akan kaji atas perkara itu supaya jangan ada kata-kata salah sangka bahawa yang dalam bandar mengatakan dia lebih miskin, manakala yang di luar bandar pula mengatakan dia lebih miskin supaya Kerajaan menumpukan perbelanjaan ke luar bandar atau ke dalam bandar, kerana mengikut cakap-cakap orang. Kita akan membuat dasar yang sebenarnya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Adakah Kerajaan bercadang hendak menyekat kemasukan orang luar bandar ke dalam bandar dengan tujuan hendak mencari pekerjaan seperti yang dinyatakan tadi?

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Kerajaan tidak menyekat orang di luar bandar masuk ke bandar untuk mencari pekerjaan, kerana banyak orang di luar bandar yang ada cukup mempunyai latihan dan kebolehan yang layak boleh mendapat kerja dalam bandar di mana kita tahu banyak perusahaan yang ada sekarang ini. Kalau ada kekosongan, kemahiran dan lain-lain, Kerajaan tidak bercadang hendak menyekatkan, walaupun Kerajaan sekarang ada cadangan membawa faktori-faktori dan perusahaan ke luar bandar supaya tidak payah pula orang di luar bandar itu datang berhijrah ke bandar-bandar. Kerajaan tidak menyekatkan, melainkan memberi nasihat kepada mereka itu jangan terburu-buru datang ke bandar-bandar mencari kerja, tiba-tiba tak dapat mencari kerja, dan ini akan menyusahkan mereka itu sendiri.

Datuk Athi Nahappan: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Soalan ini melibatkan 3 kesimpulan. Pertama, ialah orang Melayu di kawasan luar bandar adalah miskin. Yang kedua, ialah orang-orang yang bukan Melayu di kawasan bandar adalah miskin.

Ini bermakna orang-orang Melayu di kawasan bandar tidaklah miskin dan orang-orang bukan Melayu di kawasan luar bandar tidaklah miskin. Adakah Kerajaan terima kesimpulan ini dan juga soalan ini terlibat satu kesimpulan yang kedua, iaitu orang-orang miskin di kawasan bandar adalah lebih

usaha-usaha seperti memberi bantuan-bantuan buku-buku teks percuma, pengecualian pembayaran yuran dan Biasiswa-biasiswa Kecil Persekutuan. Mengenai syor Ahli Yang Berhormat di atas penubuhan "Biro Murid-murid Miskin", ini terpulanglah kepada Lapuran yang dibuat oleh Jawatan-kuasa Pegawai-pegawai untuk menimbang-perkara ini di dalam tugasnya mengkaji Lapuran berikut yang berkenaan dan sekiranya ada perakuan-perakuan dan syor-syor dibuat supaya ditubuhkan "Biro Murid-murid Miskin", ini akan ditimbang oleh pihak Kerajaan.

- (g) Mengikut dasar yang ada, pelajaran menengah percuma sudah kita adakan melalui sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan. Yuran hanya dikenakan bagi sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris sahaja. Walau bagaimanapun pengecualian yuran adalah disediakan bagi murid-murid yang belajar di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Inggeris yang benar-benar memerlukan-nya.

GURU SEKOLAH—PERTUKARAN

9. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Pelajaran menyatakan samada benar bahawa baru-baru ini seorang guru yang tidak berpengetahuan langsung dalam bahasa Cina telah ditukarkan ke sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Perak, dan jika ya, samada pertukaran guru-guru ke sekolah-sekolah yang tidak sesuai bagi mereka boleh diberhentikan.

Datuk Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, soalan ini telah dijawab dengan jelas ketika saya menjawab Soalan No. 4.

BANJIR KAWASAN RAHANG—MENCEGAH

10. Tuan Wong Seng Chow minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan samada beliau sedar bahawa kawasan di sekitar Rahang selalu banjir akibat pembinaan sebatang jalanraya Persekutuan yang menghubungi Seremban dengan Kuala Lumpur dan juga kejadian banjir ini menyebabkan kesusahan kepada penduduk-penduduk di tempat itu, dan jika ya, apakah tindakan

yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mencegah berlakunya lagi kejadian banjir di kawasan itu.

Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong): Tuan Yang Dipertua, banjir seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukanlah disebabkan oleh pembaikan Jalan Persekutuan antara Seremban dengan Kuala Lumpur, tetapi adalah disebabkan oleh kekotoran ataupun silting Sungai Senawang akibat daripada pembangunan yang dilaksanakan di hulu Sungai itu. Walau bagaimanapun Kementerian saya telah difahamkan bahawa Jabatan Parit dan Taliair sedang mengkaji perkara ini untuk menentukan tindakan yang harus dilaksanakan.

KEMISKINAN PENDUDUK BANDAR DAN LUAR BANDAR

11. Tuan Wong Seng Chow minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa terdapat kemiskinan di kalangan semua kaum di Malaysia—orang-orang Melayu di kawasan-kawasan luar bandar dan orang-orang bukan Melayu di kawasan-kawasan bandar; biasanya orang-orang miskin di kawasan-kawasan bandar adalah lebih miskin dari mereka yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar kerana mereka tidak mempunyai tanah untuk bercucuk tanam bagi keperluan-keperluan mereka sehari-hari; dan jika ya, apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memperbaiki taraf kehidupan orang-orang miskin di kawasan-kawasan bandar.

Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedar akan masalah kemiskinan di Malaysia di dalam dan di luar bandar dan dikalangan semua bangsa.

Dasar Ekonomi Baru Kerajaan khususnya mengakui hakikat ini dan definasi tujuan pertama dasar ini ialah untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira bangsa. Dasar ini tidak mengira samada orang yang miskin di luar bandar lebih miskin dari mereka yang berada di luar bandar atau sebaliknya.

Rancangan-rancangan di bawah tujuan pertama Dasar Ekonomi Baru mengenai pembasmian kemiskinan telah dinyatakan di dalam Rancangan Malaysia Kedua yang sedang diselenggarakan melalui Belanjawan

di dalam Wilayah Kuala Lumpur ini yang tidak terikat kepada sebarang mazhab yang dikenali di dalam negara kita ini. Sesungguhnya tidaklah bererti ganjil apa yang saya kemukakan ini, sekurang-kurangnya satu negeri di dalam negara Persekutuan kita ini iaitu Perlis tidak mempunyai atau mengikatkan dirinya dengan sebarang mazhab yang dikenali di dalam erti kata mazhab-mazhab di dalam umat Islam.

Tuan Yang Dipertua, saya sentuh perkara ini oleh kerana saya mengharapkan Kuala Lumpur merupakan model dalam pembangunan masyarakat, dalam pembangunan serba-serbi maka termasuklah dalam soal pembangunan dan perkembangan agama Islam. Apa yang berlaku dalam hal ini tidak siapa pun yang mesti disalahkan kerana keadaannya begitu. Perkembangan Islam di Kuala Lumpur ini sejak beberapa tahun telah agak begitu maju dan sangat kita banggakan akan tetapi oleh kerana tertakluk kepada keadaan mazhab, maka timbul masalah orang yang masuk agama Islam harus berkhitan dan sebagainya, sedangkan ini adalah satu masalah yang mengenai dengan mazhab. Di dalam mazhab Shafie memang begitu kuat tekanannya, tetapi dalam mazhab Hanafi misalnya tidak begitu kuat. Dalam amalan di negara kita sendiri pun, Tuan Yang Dipertua, setengah perkara yang mengenai dengan mazhab Hanafi dipakai, misalnya di dalam pungutan zakat-fitrah dan sebagainya diamalkan. Sebaliknya dalam setengah-setengah perkara ada tentangan. Hal ini tidak patut terjadi dalam negeri Persekutuan di mana Kuala Lumpur merupakan Wilayah yang langsung ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak perlu bersyarah terlalu panjang dalam hal ini, tetapi saya faham kalau sekiranya Kerajaan mahu bertindak, kita mempunyai pakar-pakar yang cukup, yang boleh menjadi anggota-anggota untuk melaksanakan tujuan menjadikan perkembangan Islam di Kuala Lumpur ini juga merupakan suatu perkembangan, merupakan model untuk diperhatikan oleh semua manusia di dalam Malaysia ini khususnya.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada itu di dalam soal yang pertama, iaitu dalam soal Wilayah Kuala Lumpur ini tidak ada benda lagilah yang hendak saya cakapkan, kerana dalam semua hal kita dapat terima dan

ucapan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Negeri Selangor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor pun telah kita buat dalam sidang yang lalu. Dengan sebab itu saya hendak sentuh sedikit ialah dalam soal perubahan Perlembagaan mengenai dengan anggota-anggota Dewan Rakyat. Di dalam perubahan yang dicadangkan ini saya rasa adalah adil, akan tetapi saya suka juga menarik perhatian Kerajaan untuk memikirkan apa yang dibangkitkan oleh sahabat saya tadi Yang Berhormat Tuan Ibrahim Yaakob mengenai dengan dua orang anggota daripada Kuala Lumpur ini, kerana dia merupakan wilayah yang tersendiri, merupakan suatu state yang tersendiri di dalam negara Persekutuan, bererti kita telah sampai kepada peringkat ke 14 state dalam negara Persekutuan, maka perlu difikirkan supaya ada dua orang wakil dari Wilayah Kuala Lumpur di dalam Dewan Negara.

Tuan Yang Dipertua, saya suka hendak menarik perhatian Dewan ini terhadap perkataan yang sering ditimbulkan di masa-masa akhir ini, bahkan ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat Peguam Negara sebentar tadi sewaktu mengemukakan Rang Undang-undang ini, tetapi tidak ada di dalam Perlembagaan Negara kita, iaitu perkataan "Semenanjung Malaysia". Sampai waktu ini bahkan dalam Rang Undang-undang ini juga kita mempunyai perkataan bagi Rang Undang-undang ini dan bagi Perlembagaan Negara kita Negeri-negeri Tanah Melayu dan Negeri-negeri Tanah Melayu inilah yang pada suatu waktu dikatakan Malaysia Barat, yang mana Malaysia Barat itu dipertemukan pula dengan Malaysia Timur. Oleh kerana timbul rasa tidak senang, maka dihilangkan perkataan Malaysia Barat dan Malaysia Timur, digantikan dengan nama Semenanjung Malaysia. Saya rasa perkataan ini dari segi Perlembagaan langsung tidak ada sama sekali, kita tukar sendiri. Saya rasa ada satu hal yang agak ganjil sebab Semenanjung Malaysia ini satu body, satu badan, kemudian Sarawak satu badan, Sabah satu badan, jadi merupakan tiga. Saya kira patut difikirkan, biarlah saya tidak mencadangkan, patut difikirkan satu nama lain dan Perlembagaan hendaklah dipinda. Perkataan "Semenanjung" sendiri, Tuan Yang Dipertua, bagi negeri ini yang asalnya Tanah Melayu dan dikenal sebagai Semenanjung Tanah

Melayu, dia mempunyai pengertian Semenanjung mengikut geographynya, iaitu tanah menganjur di antara dua laut dari Segenting Kra sehingga ke pulau Singapura, termasuk apa yang dikatakan Semenanjung Tanah Melayu, yang kemudiannya menjadi sebahagian daripada Malaya dan sekarang menjadi Malaysia. Perkataan Semenanjung bagi Melayu dari Segenting Kra sampai ke Singapura sekarang sudah terputus. Saya sangsi nama Semenanjung Malaysia ini patut dipakai atau tidak, sebab memang tidak ada di dalam Perlembagaan. Yang ada hanya Negeri-negeri Tanah Melayu. Saya harap Kerajaan cuba meneliti kembali apa nama yang paling مناسبah disebut atau disebutkan negeri Perlis, Kedah, Johor, Pulau Pinang dan sebagainya terus dengan tidak payah disebut Malaysia Barat, Malaysia Timur atau Semenanjung Malaysia atau bagaimana dan diperbetulkan di dalam Perlembagaan.

Tuan Yang Dipertua, walau apa sekalipun saya percaya Kerajaan mempunyai niat yang baik dalam mengemukakan Rang Undang-undang ini dan apa yang dikemukakan ini adalah sangat مناسبah tentang ahli-ahli Dewan dan perubahan-perubahan yang berlaku sedikit sebanyak. Begitu juga tentang tidak berlakunya perubahan di Sarawak dan Sabah oleh kerana keadaannya dari awalnya lagi telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara tidak berdasarkan kepada jumlah penduduk, tetapi adalah atas keputusannya yang bijaksana yang dibuat atas persetujuan bersama.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini sambil saya berharap Kerajaan memberi perhatian kepada apa-apa pandangan yang saya beri tadi.

Tuan Yeap Kheng Yam: Tuan Yang Dipertua, saya bangun menyokong dengan sepenuh-penuhnya kepada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) Tahun 1973 supaya menjadikan Kuala Lumpur sebagai kawasan Persekutuan dan menambahkan kawasan Parlimen kepada 154.

Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu patutlah kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kerana di bawah persetujuan Duli Tuanku serta Kerajaan Selangor satu kawasan seluas 94 batu persegi dalam

kawasan Negeri Selangor akan menjadi Wilayah Persekutuan dan kita juga patut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Pusat kerana membuat pindaan Perlembagaan ini maksudnya kerana kepentingan negara.

Tuan Yang Dipertua, pengambilan kawasan-kawasan adalah termasuk kawasan Melayu dan kawasan simpanan Melayu ke dalam wilayah Persekutuan ialah satu langkah baik dan bijak untuk memajukan kawasan-kawasan tersebut. Saya ada beberapa pandangan hendak kemukakan kepada Kerajaan Pusat mengenai Kuala Lumpur.

Yang pertama, saya harap Kerajaan Pusat akan melaksanakan projek-projek kemajuan untuk penduduk-penduduk Kuala Lumpur dengan seberapa cepat mungkin termasuklah kawasan kampung-kampung baru.

Yang Kedua, menolong perniagaan-perniagaan kecil supaya mereka senang mencari kehidupan dan taraf hidup mereka ditinggikan.

Yang ketiga, masalah kawasan rumah-rumah haram patutlah tindakan seterusnya diambil oleh Kerajaan dengan menolong mereka mendapat perumahan-perumahan sendiri dengan tidak lagi dinamakan haram.

Tuan Yang Dipertua, sekiranya langkah-langkah seperti yang tersebut diambil oleh Kerajaan Pusat dengan secepat mungkin dan bersungguh-sungguh, saya percaya penduduk-penduduk Kuala Lumpur adalah bahagia dan membanggakan. Kuala Lumpur menjadi wilayah Persekutuan maka dipercayai pentadbiran Kerajaan akan berjalan dengan licin dan akan dapat lebih kemajuan dari masa ke semasa. Tuan Yang Dipertua, kita akan tinjau Kuala Lumpur menjadi sebuah Ibu Kota Persekutuan yang termasyur dan moden di seluruh dunia pada masa ini dan akan datang.

Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin: Tuan Yang Dipertua, saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) yang dibentangkan di hadapan Dewan yang bertuah ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam mesyuarat yang lalu Akta Perlembagaan ini telahpun diluluskan pada perinsipnya antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dengan menyesuaikan Perlembagaan Negeri dan Perlembagaan Persekutuan. Langkah-langkah

ini juga telah dapat persetujuan Majlis Raja-raja. Selama ini sungguhpun Kerajaan Federal ada mempunyai kuasa, tetapi tidak ada mempunyai bumi untuk berpijak, kerana tanah-tanah adalah dipunyai oleh Kerajaan Negeri, maka sudah sepatutnyalah keadaan negara kita yang merdeka dan berdaulat ini mempunyai sebuah ibu kota yang dimiliki bersama oleh negeri-negeri dalam Persekutuan dan ditadbirkan oleh Kerajaan Pusat. Langkah-langkah ini tidaklah keluar dari proses demokrasi dan tidak pula luar biasa dari negara-negara yang lain yang mempunyai pemerintahan bercorak Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, baru-baru ini ketulusan dalam Dewan Undangan Negeri Selangor berhubung dengan penyerahan kawasan seluas 94 batu persegi kepada Kerajaan Persekutuan adalah merupakan satu pengorbanan yang paling bersejarah oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan juga Kerajaan Negeri Selangor yang mana lebih mengutamakan kepentingan nasional. Rakyat Malaysia nescaya tidak dapat melupakan pengorbanan ini dan setiap rakyat harus mencontohi pengorbanan serupa ini iaitu mendahulukan kepentingan nasional dari kepentingan diri sendiri. Jika kita sebagai rakyat yang taat setia kepada negara dan penuh bertanggungjawab serta memandang kepada kepentingan nasional dan rakyat, maka langkah-langkah yang dibawa oleh pihak Kerajaan serupa ini yang mana nilainya adalah suci-murni, maka segala jenis prasangka dan ramalan-ramalan yang tidak sihat tidak harus dibentangkan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang Dipertua, apabila Ibu Kota Kuala Lumpur di bawah kuasa Kerajaan Pusat saya percaya Bandar Kuala Lumpur ini akan bangun dan terus membangun, tetapi membangun sahaja belum boleh membanggakan kiranya tidak melambangkan kepentingan nasional dan mencerminkan keperibadian negara. Sekiranya Kota Kuala Lumpur dapat mencerminkan keperibadian negara, maka ~~barulah merupakan sebuah~~ Ibu Kota yang membanggakan.

Tuan Yang Dipertua, begitu juga saya harap segala projek dan strategi yang diatitkan nanti biarlah berupa masyarakat adil seperti mana yang diatitkan dalam Perinsip-perinsip Rukunegara untuk menjaga imej Ibu Kota Malaysia ini. Saya harap supaya

Ibu Kota ini akan melambangkan keselamatan, kemewahan, perpaduan, kemajuan dan keamanan bagi rakyat yang berbilang bangsa dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, sebentar tadi saya mendengar ucapan daripada yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob dan saya bersetuju sekiranya wilayah Kuala Lumpur ini sudah menjadi satu wilayah, satu kawasan state di dalam perjuangan kita iaitu sepatut-patutnyalah ditimbangkan kepada dua orang Ahli Dewan Negara dapat menduduki dalam Dewan kita ini. Jadi itulah sahaja ucapan saya dan saya ucapkan sekali lagi dengan ~~menyokong penuh Rang Undang-undang ini~~ untuk diluluskan.

Dr Lim Ah Sitt: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) tahun 1973 yang masih dibincangkan.

Rang Undang-undang ini sebagaimana kita difahamkan bertujuan meminda Akta Perlembagaan untuk membolehkan penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan mempunyai wilayah lebih kurang 94 batu persegi mengandungi penduduk-penduduk hampir-hampir satu juta orang dan meminda Perkara 46 Perlembagaan supaya menguntukkan Ahli-ahli Dewan Rakyat mengikut negeri-negeri.

Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi hasrat Malaysia sebagai negara merdeka dan berdaulat yang membangun dengan pesatnyanya dalam zaman ini berkehendakkan satu Ibu Negara yang ditadbirkan terus oleh Kerajaan Persekutuan. Sekarang dengan adanya penubuhan wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan mempunyai pentadbiran yang lebih licin dan efficient serta mencepatkan pembangunan dan kemajuan sesuai dengan keadaan teristimewa sebagai Ibu Negara. Sesuai dengan taraf dan prestige sebagai pusat perdagangan getah sedunia, timah dan dengan perkembangan-perkembangan yang pesat di lapangan perdagangan, perindustrian dan perhubungan international di antara Malaysia dan negeri-negeri lain di dunia dalam lengkongan perdagangan, perniagaan kebudayaan, pelajaran, sains dan sukan adalah wajib bahawa ibu negara Kuala Lumpur hendaklah mempunyai wilayah dengan keluasan yang sesuai bagi

mentadbirnya. Kita sedari dan merasa bangga bahawa dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, maka Kuala Lumpur akan menerima penghormatan yang tertinggi tarafnya lebih mulia dan ini akan mendatangkan imej yang baik kepada seluruh dunia.

Kita di sini merasa azam memikul lebih tanggungjawab sebagai anggota-anggota Parlimen, dan dengan lulusnya Rang Undang-undang itu dan kelahiran Wilayah Persekutuan, kami berharap bahawa:

- (a) Bandaraya Kuala Lumpur yang akan dirangkakan untuk mencapai keperluan dan kemahuan sebagai sebuah bandaraya moden boleh dibandingkan dengan ibu kota di negeri-negeri lain yang sudah maju;
- (b) saya harap kita adakan Master Plan pembangunan seluruhnya dalam wilayah itu dengan peruntukan zoning area bagi kawasan bandaraya proper, luar bandar, kawasan perindustrian dan lain-lain;
- (c) adakah sistem hubungan yang lebih baik untuk mengurangkan kesesakan jalan traffic di tengah-tengah bandaraya dan lebih perkhidmatan bas dan teksi yang lebih baik bagi kemudahan hubungan raya;
- (d) adakah lebih bandar pengiring seperti Petaling Jaya dengan lay-out yang sesuai memandangkan tambahan penduduk-penduduk di Kuala Lumpur;
- (e) adakah lebih rancangan perumahan termasuk perumahan berharga rendah di luar bandar untuk penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah;
- (f) lebih banyak pokok-pokok hendaklah ditanam sepanjang jalan dan di kawasan estet perumahan untuk mengelakkan dan mensejukkan hawa bandaraya;
- (g) dirikan satu panggung negara (national theatre) khasnya untuk persembahan sandiwara, pertunjukan-pertunjukan pentas dan musical;
- (h) Muzium Negara sekarang patut diperlukan atau didirikan satu yang lebih besar dan baik;
- (i) adakah kemudahan kebersihan dan kesihatan di seluruh wilayah persekutuan dan juga taliair yang lebih baik;

(j) sebarang kenaikan sewa tanah dan cukai harta hendaklah beransur-ansur dan berpatutan.

Akhirnya tentang peruntukan 5 bahagian pilihanraya (constituency) kepada Wilayah Persekutuan yang baru yang mempunyai penduduk-penduduk hampir-hampir satu juta orang, saya berpendapat bahawa seorang anggota Parlimen atau M.P. bertanggungjawab kepada kebaikan 200,000 rakyat dalam satu bahagian pilihanraya adalah terlampau sukar dan berat dan Wilayah Persekutuan tersebut patutlah diadakan 10 bahagian pilihanraya dan 10 Wakil Rakyat dan bukan 5 sebagai yang dinyatakan.

Tuan Yang Dipertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuh hati.

Tuan Yang Dipertua: Mesyuarat ditempohkan selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 4.20 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.35 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang Dipertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang Dipertua, seperti yang telah kita ikuti, perbahasan di dalam Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini merupakan kemuncak daripada pindaan Perlembagaan yang telah kita terima di dalam sidang yang telah lalu dan kemuncaknya sekarang telah sampai bagi menentukan Wilayah Persekutuan dengan apa yang kita namakan kawasan Ibu Kota atau Ibu Negara kita sendiri.

Dengan diterimanya pindaan Perlembagaan ini, maka dapatlah kita fahamkan bahawa wilayah bagi Negeri Selangor tidaklah termasuk Wilayah Persekutuan yang ditubuhkan di bawah Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) tahun 1973 ini. Dengan lain-lain perkataan, dengan diterimanya Rang Undang-undang (Pindaan) Perlembagaan ini, maka Wilayah Persekutuan adalah hak dan milik Kerajaan Persekutuan sendiri dan tidak termasuk bagi Negeri

Selangor, kerana dia telah diceraikan daripada negeri Selangor dan merupakan sebagai satu wilayah.

Di dalam keterangan yang disebutkan di sini bagi maksud fasal ini Wilayah Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai suatu negeri, tetapi dia bukan sebuah negeri. Kalau dia sebuah negeri tentulah dia mempunyai Perlembagaannya sendiri, dan mempunyai ketua negeri itu sendiri, dan mempunyai undang-undang, peraturan-peraturan yang setaraf dengan negeri-negeri yang lain di dalam Persekutuan. Tetapi nyatalah di dalam pentafsiran ini bahawa bagi maksud fasal ini ertinya Fasal 3 Wilayah Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai satu negeri; ini menimbulkan satu keraguan; keraguan di dalam erti merupakan sebuah negeri, sebab ia terpaksa mempunyai ketua bagi mentadbirkan Wilayah Persekutuan itu sendiri. Sebagai satu wilayah yang mempunyai Ketua Pentadbir, maka Ketua Pentadbir itu pula tidaklah dia sampai kepada darjat atau taraf Gabenor di dalam sebuah negeri, atau merupakan seorang raja di dalam sesebuah negeri yang beraja, hanya boleh disifatkan sahaja sebagai satu negeri dan di sinilah timbulnya keraguan saya manakala Ahli-ahli Yang Berhormat telah mencadangkan di dalam Dewan ini supaya dua orang Ahli Dewan Negara harus di lantik di dalam mewakili Wilayah Persekutuan itu. Kalau usul ini diterima, apakah tarafnya yang bersifat negeri ini dengan negeri asal yang sebenarnya Ahli Dewan Negara itu di lantik oleh Majlis Mesyuarat sesebuah negeri yang ada; sedangkan di dalam Wilayah Persekutuan ini tidak ada Majlis Mesyuarat Wilayah Persekutuan dan tidak ada pemilihan umum atau pilihanraya bagi melantik ahli-ahli bagi menduduki Majlis Wilayah Persekutuan, dan oleh kerana itu tidaklah logik kalau di lantik dua orang Ahli Dewan Negara bagi mewakili Wilayah Persekutuan.

Bagi fahaman saya sekalipun demikian halnya barangkali Yang Berhormat Peguam Negara akan menerangkan perkara ini dengan lebih lanjut, tetapi saya berpendapat tidaklah ada suatu peruntukan di dalam Perlembagaan kita ini yang membolehkan melantik dua orang Ahli Dewan Negara bagi mewakili Wilayah Persekutuan mengikut Perlembagaan.

Sekalipun saya bersimpati dengan pendapat sahabat-sahabat saya Yang Berhormat

di dalam Dewan Negara ini bahawa patut ada Ahli Dewan ini mewakili Wilayah Persekutuan, tetapi tidaklah bagi pihak Peguam Negara ataupun bagi pihak Kerajaan sendiri memikirkkan di dalam masa hendak meminda Perlembagaan ini terbayang di dalam fikirannya bahawa keanggotaan Ahli Dewan Negara ini patut ditambah daripada jumlah yang ada sekarang. Oleh kerana di dalam Rang Undang-undang ini ada mengaitkan tambahan Ahli Dewan-Rakyat setelah kawasan Wilayah Persekutuan ini telah dipisahkan daripada Wilayah Negeri Selangor dan diberikan peruntukan kepadanya lima kawasan dan bagi Semenanjung Malaysia ini anggota-anggota Dewan Rakyat akan bertambah daripada 104 kepada 114. Tidakkah terfikir bahawa Ahli Dewan Negara ini juga patut ditambah keanggotaannya daripada 58 kepada jumlah yang difikirkan layak dan menasabah.

Saya rasa, kalau sekiranya ini dipertimbangkan sekali gus maka tidaklah kedudukan Dewan Parlimen ini agak pincang nampaknya kalau dipandang dari sudut ini. Tentulah ada perimbangan yang agak kuat di antara Dewan Rakyat dan Dewan Negara, kalau Dewan Rakyat mempunyai keanggotaannya sekarang keseluruhannya 144 dan Ahli Dewan Negaranya seperti sekarang, saya rasa patut juga diambil satu perhatian supaya keanggotaan Ahli Dewan Negara ini ditambah. Saya tidak dapat menerima bahawa tambahan itu mewakili Wilayah Persekutuan, sebab kalau dia mewakili Wilayah Persekutuan, maka Dewan Undangan di wilayah itu hendaklah melantik wakilnya seperti yang dilakukan oleh Negeri-negeri di Dewan-dewan Negeri. Sekalipun demikian, maka patut rasanya saya ulangi supaya keanggotaan Ahli Dewan Negara ini dipertimbangkan untuk ditambah.

Mungkin perkara ini tidak terlintas di-fikiran Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Dewan Rakyat oleh kerana mereka tidak mempunyai kepentingan sebagai Ahli Dewan Negara. Tetapi kalau mereka kalah di dalam pertandingan pilihanraya umum, maka kedudukan mereka mungkin agak terjamin juga seperti beberapa Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, dan alangkah baiknya kalau ditambah keanggotaan itu, mana-mana yang telah pincang di luar bolehlah juga kita pertimbangkan diterima di dalam Dewan ini dan bagi menerima mereka bukanlah kerana

semata-mata atas kekalahan mereka, tetapi menerima mereka sebagai seorang yang pernah dan mempunyai pengalaman yang luas serta pelajaran yang tinggi tetapi rakyat tidak dapat menilainya, maka Dewan Negara patut memberi penilaian kepada kebolehan mereka itu.

Perkara yang kedua, saya suka membahaskan masalah ini yang disifatkan sebagai sebuah negeri agak lebih panjang lagi, sebab, pada fahaman saya Wilayah Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai sebuah negeri yang dikaitkan, kalau saya tidak salah, dengan suatu maksud di dalam Fasal baru 5 di muka 9 iaitu;

“(5) Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Ugama Islam dalam Wilayah Persekutuan; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal ehwal ugama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan ugama Islam”.

Bila saya baca Fasal ini, saya teringat, maka patutlah juga boleh dimaknakan Wilayah Persekutuan disifatkan sebagai sebuah negeri seperti Pulau Pinang dan Melaka sekalipun mereka tidak mempunyai raja, tetapi Yang di-Pertuan Agong mempunyai hak-mutlak di dalam soal ugama.

Saya teringat, apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sahabat saya Tuan Amaluddin Darus tatkala beliau membahaskan masalah ugama supaya diadakan satu pentadbiran ugama Islam di dalam Wilayah Persekutuan dengan mengeneipkan masalah-masalah mazhab.

Saya tidak nampak kenapa Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan masalah mazhab di dalam bahasannya sedangkan di dalam fasal tambahan baharu ini menyatakan bahawa Yang di-Pertuan Agong itu adalah Ketua Ugama Islam bagi wilayah ini, Ketua Ugama Islam dan dengan tidak ada perenggan, dengan tidak ada pentafsiran yang lain. Yang maknanya Ketua Ugama Islam itu mazhab Shafie tidak disebutkan di situ. Dengan tidak disebutkan di situ bermakna kita tidak terikat dengan sebarang mazhab, baik Hanafi atau Maliki, tetapi nampak oleh saya sekarang ini bahawa Rang Undang-

undang ini merupakan suatu Rang Undang-undang yang boleh dipakai dan diterima, kerana kita tidak terikat dengan sebarang mazhab di dalam pentafsiran ini.

Tuan Yang Dipertua, Wilayah Persekutuan yang akan disifatkan sebagai sebuah negeri dalam bentuk pentadbirannya, dalam bentuk kehidupannya, undang-undang dan sebagainya, saya mendapat berita yang meyakinkan diri saya bahawa Wilayah Persekutuan ini adalah wilayah yang paling penting dan paling utama diselesaikan, terutama sekali merupakan Wilayah Persekutuan ini adalah daerah Ibu Kota. Bila kita menyebutkan masalah Ibu Kota kita terbayang wilayah Ibu Kota atau Wilayah Persekutuan ini yang pelan atau mapnya ditayangkan di luar.

Saya sudah menengok dengan cermin mata saya yang dua lapis ini tidak ada bertulis di situ wilayah-wilayah, di mana perengannya cuma disebutkan nombor geran tanah. Siapa orang yang ada tanah di Kuala Lumpur bolehlah cek di situ samada geran tanahnya itu termasuk ke dalam wilayah itu atau tidak, sebab dia garis-garis sahaja begitu dan disebutkan di sini tidak ada tulisannya dan tidak ada jalan yang menuju keluar, mana jalan pergi ke Pahang, mana jalan pergi ke Seremban, tidak ada nampaknya. Boleh jadi saya tidak mengerti membaca peta, tetapi orang yang pandai pun saya tanya dia tidak tahu juga, melainkan katanya dia terpaksa membawa geran nombor dia samada dia masuk ke dalam Wilayah Persekutuan atau tidak.

Saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya dibuat suatu daerah yang betul-betul. Kalau dia merupakan suatu wilayah Persekutuan ini disifatkan sebagai sebuah negeri, maka hendaklah betul-betul dibuat daerahnya atau sebagai sebuah negeri di mana terletakinya itu, di mana terletakinya ini, beberapa banyak lagi tanah-tanah yang kosong di dalam wilayah ini, berapa banyak lagi tanah Kerajaan, berapa banyak lombong-lombong yang telah ditinggalkan, yang patut dijadikan perumahan; berapa banyak lagi kawasan-kawasan Melayu yang ada, yang tidak boleh dijual beli dengan orang yang bukan Melayu. Soal-soal yang seperti ini detailnya patut dapat dibaca oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen; baik Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat supaya perkara-perkara yang seperti ini dapat difahami dengan begitu mendalam, sebab bila kawasan

ini telah diterima oleh Dewan Rakyat, Rang Undang-undang ini telah diterima oleh Dewan Rakyat, orang mula bertanya kepada Ahli-ahli Dewan Negara ini, kawasan rumah aku itu masuk atau tidak. Kalau dia sampai jalan hendak ke Pahang, dia kata sampai dekat Lee Rubber sahaja. Orang yang di sebelah Lee Rubber itulah yang menjadi masalah; rumah aku ini longkangnya masuk atau tidak?"?

Di mana kita hendak tahu longkangnya masuk atau tidak di sepanjang-panjang Lee Rubber atau sampai di mana jalannya. Jadi hal ini menimbulkan banyak salah faham dan banyak perkara-perkara yang merumitkan, perkara yang merumitkan ini maknanya segala-segalanya. Kawasan-kawasan yang agak termasuk ke dalam wilayah itu, mereka akan gembira, sebab duit panas sekarang ini, yang dahulu kalau sekeping tanah atau seekar tanah harganya \$2,000-\$3,000 kiri-kira 4 batu keluar daerah bandaraya, maka sekarang 10 kali lipat ganda, sudah berharga lebih \$30,00-\$40,000. Orang sudah mula sekarang ini hendak menjual tanahnya, sedangkan pelannya tidak diketahui dan manakala bertanya kepada samada Senator-senator atau Ahli Dewan Rakyat kita tidak tahu menyatakan mana yang sebenarnya wilayah-wilayah ini dan bagaimana kita hendak menahan mereka ini supaya jangan menjual hak miliknya di dalam tanah yang begini kelamkabut.

Ada satu jalan di dalam rancangan-rancangan jalan baharu yang hendak dibuat di antara Kuala Lumpur dengan Karak. Jalan Kuala Lumpur—Karak ini sudah demikian hebat diperbahaskan oleh orang kampung yang tanah mereka itu terlibat, dan katanya, kalau sekiranya jalan ini melintasi tanah aku, tanah saya ini hanya ada satu atau setengah ekar sahaja; kalau jalan ini lalu di atasnya hilanglah tanah saya ini dan mana saya hendak pergi. Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga tentu akan dapat memberi jaminan kepada mereka yang tanahnya akan terlibat dengan pembinaan jalan baharu di antara Kuala Lumpur dengan Karak yang sebahagiannya termasuk ke dalam wilayah yang dinamakan Wilayah Persekutuan dan sebahagiannya termasuk di dalam wilayah Negeri. Kalau masuk dalam wilayah Negeri, maka tentulah Kerajaan Negeri akan bayar ganti rugi, atau menempatkan mereka di tempat yang lebih menasabah, tetapi kalau dia masuk Wilayah Persekutuan

setelah lulusnya Rang Undang-undang ini, maka saya rasa yang bertanggungjawab ialah Kerajaan Persekutuan sendiri bagi menempatkan semula mereka itu di tempat yang layak dan yang menasabah. Kalau sekiranya diletakkan di dalam kawasan Kuala Lumpur ini juga, sedangkan kawasan Kuala Lumpur ini sudah demikian sempit dan Kerajaan terpaksa ataupun Yang Berhormat Menteri terpaksa berunding dengan Kerajaan Negeri yang sebaliknya meminta tanah, maka ini akan memakan proses yang lama. Jalan terpaksa dibuat, rakyat terpaksa keluar dari tempat itu, sedangkan penyelesaian tempat tinggal mereka masih belum tahu adakah di bawah Kerajaan Persekutuan atau di bawah Kerajaan Negeri.

Masalah yang kecil-kecil ini akan timbul dan masalah-masalah kecil-kecil ini manakala akan timbul inilah kita yang akan berhadapan dengan rakyat yang akan menyatakan benarnya, eloknya Rang Undang-undang ini dan akan mempertahankan setiap tuduhan rakyat terhadap tindakan Kerajaan. Maka oleh kerana itu ada lebih baik Yang Berhormat Menteri atau Kerajaan memberikan kepada kami taklimat-taklimat berkenaan dengan ini supaya dapat kami mempertahankan, menerangkan serta memberi taklimat kepada mereka yang kita anggap telah terlibat dengan Rang Undang-undang ini dengan apa yang kita kata Wilayah Persekutuan.

Saya rasa manakala telah sampai kepada peringkat perlaksanaan Rang Undang-undang ini tidaklah semudah meluluskan Undang-undang. Melaksanakannya di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat tidaklah semudah diluluskan oleh Dewan Rakyat hanya dalam masa dua jam dan di Dewan Negara saya harap lebih daripada dua jam. Dewan Rakyat membahaskan ini tidak lebih daripada dua jam, tetapi kami daripada Ahli-ahli Dewan Negara ini ialah orang tua-tua, orang yang telah matang, orang yang bermisai dan yang berjanggut, orang yang telah botak kepalanya iaitu memikirkan masa hadapan mereka yang akan terlibat. Jadi, tidak cukup dua jam, sepatutnya dua hari dan saya harap kepada Tuan Yang Dipertua kalau tak habis hari ini jangan diambil keputusan dan beri peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini bercakap panjang-panjang.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Saya telah diberitahu perkara ini boleh dibahaskan

selama dua tiga hari atau seberapa banyak yang boleh dibahaskan, itu sebab tidak ditetapkan masanya.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat Peguam Negara bersimpati betul dengan Dewan ini, empat hari pun tidak apa asalkan betul-betul kita mengeluarkan kemusykilan dan pandangan kita. Saya harap Yang Berhormat Peguam Negara patut memberikan penjelasan tentang masalah-masalah yang complicated yang akan timbul sesudah Rang Undang-undang ini diluluskan. Walaupun dalam tempoh satu atau dua jam boleh diluluskan, tetapi bila melaksanakannya, maka diseret rumah orang, kampung orang, tanah orang, terseret itu dan terseret ini yang Kerajaan akan memakan masa tidak cukup dua jam untuk menyelesaikannya.

Kita boleh lihat sekarang, seorang yang hendak pindah milik daripada seorang kepada seorang yang lain memakan masa berbulan-bulan. Bagi orang yang hendak membuat geran baharu pemecahan tanah dia memerlukan masa hampir satu tahun atau lebih. Itu masalah yang sedang dihadapi oleh beberapa Kerajaan Negeri sekarang ini. Kalau seorang hendak memecahkan gerannya, maka dia akan memakan masa yang panjang—surveynya, itunya, ininya dan ini kalau berlakulah kepada orang miskin macam saya ini, kalau kena di situ, itu tanah sahaja, kalau $\frac{1}{4}$ ekar yang dipunyai oleh orang Melayu. Kalau penyelesaian itu memakan masa sampai satu tahun atau 6 bulan, maka seakan-akan kita mencekik batang leher rakyat yang terkena dan ini biasanya terkena kepada orang-orang yang susah dan melarat. Saya memberi pandangan ini supaya masalah-masalah yang mungkin berlaku di dalam melaksanakan Rang Undang-undang ini difikirkan dari sekarang dan cara bagaimana hendak menyelesaikannya diserahkan kepada kebijaksanaan Kerajaan sendiri.

Saya bersimpati dengan pendapat beberapa Ahli Yang Berhormat yang menyatakan bahawa indok pelan (Master Plan) bagi Kuala Lumpur ini sebagaimana yang telah diberitahu tidak ada. Dengan sebab tak adanya indok pelan ini, maka kita jumpai jalan-jalan yang bengkok-bengkok yang kadang-kadang melalui belakang-belakang rumah, belakang-belakang kedai, tetapi sekarang nampaknya, alhamdulillah, walau-

pun tidak ada indok, sudah ada jalan-jalan yang boleh mencantikkan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan ini pada masa yang akan datang.

Saya yakin Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga ada mempunyai pelan ini dan tentulah telah ada dalam fikirannya sendiri bagaimana Kuala Lumpur ini hendak dijadikan wilayah, sebagai contoh yang benar-benar merupakan satu wilayah yang dapat dibanggakan oleh negara kita.

Jalan-jalan yang terlalu sempit tentulah mendapat perhatian juga dari Kerajaan, sebab apabila kita hendak datang ke Parlimen bertolak daripada hotel atau daripada rumah pukul 2.00 kita tak boleh sampai pukul 2.30 petang oleh kerana jalan sempit dengan kenderaan yang banyak, jalan yang berliku-liku yang kurang teratur menyebabkan soal-soal kelewatan berlaku sekarang ini dan kita tidak tahu pada masa 20 tahun yang akan datang apakah jalan yang ada sekarang iaitu Jalan Tuanku Abdul Rahman boleh dipakai atau tidak—sekarang sahaja daripada hujung Batu Road sampai ke Parlimen kalau kena masa yang tidak baik memakan masa $\frac{1}{2}$ jam baharu sampai—ini sekarang. Kalau 20 tahun yang akan datang, saya rasa terpaksa tiap-tiap motokar Menteri memakai siren supaya orang ke tepi kerana Menteri hendak berjalan. Sekarang hanya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sahaja yang pakai siren, sedikit hari lagi semua Menteri akan memakai siren, dan akan hiruk-pikuklah Bandaraya Ibu Kota ini dengan siren kerana jalan sudah sempit dan jalan tidak teratur.

Ini mungkin berlaku, satu hal yang mungkin berlaku. Kalau Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am hendak membuka sebuah rumah cacat, katakanlah di Lady Templer Hospital ataupun di Hospital Universiti beliau datang dari Gombak dan daripada Lee Rubber terpaksa dibunyikan siren dan manakala dibunyikan siren nampaklah siapa yang lalu itu, iaitu Menteri Kebajikan Am. Alangkah sakitnya hati orang yang memandang dan ini mengakibatkan parti yang berkuasa pada masa yang akan datang. Oleh kerana itu, sebelum hal-hal yang seperti ini berlaku pelan dan indok pelan yang benar-benar dapat digunakan untuk jangka waktu $\frac{1}{4}$ abad atau—25 tahun untuk kepentingan rakyat kita yang akan bertambah kira-kira $1\frac{1}{2}$ juta.

Saya tidak bersetuju dengan pendapat seorang Ahli Yang Berhormat yang mengatakan Kuala Lumpur sekarang ini sudah mempunyai penduduk 1 juta dan tidak menasabah diwakili oleh 5 kawasan Pilihanraya Parlimen.

Sekarang, kalau saya tidak salah penduduk Kuala Lumpur tidak sampai $\frac{1}{2}$ juta orang malahan kurang daripada $\frac{1}{2}$ juta dan lebih sedikit agaknya daripada $\frac{1}{4}$ juta. Katakanlah 300,000 orang tetapi yang boleh mengundi bukan 300,000, barangkali yang boleh mengundi kira-kira 100,000 atau 120,000 orang dan dari jumlah 120,000 itu kalau dibahagi 5 maka menasabahlah satu-satu wakil itu mewakili 250,000 penduduk. Jadi, samalah keadaannya dengan kawasan Kuala Lipis yang pengundinya 26,000 orang ataupun kawasan Hilir Perak yang kira-kira 20,000 pengundi, maka menasabah kalau sekiranya hanya 5 wakil yang mewakili bagi daerah Kuala Lumpur ini. Kalau dia hendak mewakili lebih ramai lagi tentulah akan difikirkan juga pada masa yang akan datang, sebab kita tengok berapa banyak penduduk yang ada di dalam Kuala Lumpur ini pada masa 25 tahun yang akan datang.

Kalau di Kuala Lumpur atau di Wilayah Persekutuan ini mempunyai sebuah Empire State Building seperti di New York yang mempunyai 100 tingkat itu, maka waktu itu bolehlah kita cadangkan tiap-tiap satu bangunan itu merupakan satu kawasan pilihanraya di dalam kawasan Wilayah Kuala Lumpur sebab Empire State Building itu penduduknya kalau daripada bawah sampai ke atas mungkin lebih daripada 20,000 orang maka kawasan pilihanraya seorang M.P., katakanlah Bangunan A yang penduduk bangunan itu 25,000 orang itu menasabah, tetapi bukan sekarang. Tetapi apa yang disebutkan oleh Kerajaan sekarang yang 5 orang mewakili bagi Wilayah Persekutuan sudah lebih menasabah, malahan itu terlalu banyak.

Ini saya rasa toleransi pemerintahan Kerajaan terhadap penduduk Wilayah Persekutuan ini sudah begitu patut diberikan pujian, sekalipun ada Parti-parti Pembangkang mengatakan ini tidak demokratik dan Kerajaan takut, maka dikeluarkanlah wilayah ini menjadi Wilayah Persekutuan. Saya tidak nampak sebab-sebab yang diterima oleh akal tentang kelemahan Kerajaan atau ketakutan Kerajaan yang wilayah ini

diambil dari Negeri Selangor menjadi Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua, tidak mudah untuk melepaskan suatu wilayah apa lagi kawasan 94 batu persegi, bukan 94 depa. Sekarang ini di mana-mana pun orang membuat rumah kalau pagar orang sebelah memakan kawasannya 1 inci sahaja dia bawa ke mahkamah, sebab pagar sudah makan tanah saya satu inci. Satu inci, kalau 120 kaki sudah jadi berapa? Sekarang terpaksa dibongkar yang satu inci itu diletakkan betul-betul di atas tanah. Ini berlaku dan dibawa ke mahkamah, kalau tidak percaya boleh tanya peguam-peguam kita berapa banyak masalah boundary, masalah hak sampai bawa ke mahkamah, sampai bergaduh, sampai tidak berkenalan. Inikan pula 94 batu persegi, bukan kecil. Tidakkah Ahli Pembangkang terfikir bahawa ini satu pengorbanan yang ikhlas, kerana kepentingan negara, kerana kepentingan wilayah, kerana kepentingan rakyat, kerana kepentingan orang ramai dan kerana kepentingan negara kita pada masa yang akan datang di mana Malaysia merupakan negara yang merdeka dan berdaulat. Tetapi satu inci tanah pun tidak ada, satu inci kawasan tidak ada, berdaulat apa! Nasib baik sahabat saya, Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar telah menyokong kuat. Kalau tidak dia akan berkata cakap sahaja Malaysia berdaulat, tetapi mana wilayah tidak ada. Tetapi alhamdulillah, dengan adanya wilayah 94 batu persegi ini sudah boleh dikatakan Kerajaan Malaysia mempunyai wilayah yang menjadi Ibu Kota negara kita.

Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, terutama sekali kepada Kerajaan Negeri Selangor yang sanggup berkorban memberikan wilayah 94 batu persegi ini yang bukannya di atas Gunung Tahan, bukan di Perlis, bukan di Kelantan, di Bachok dan bukan pula di tepi pantai Morib tetapi di tengah-tengah Ibu Kota yang sudah membina, dibangun, ada pencakar-pencakar langit, sudah ada rumah-rumah yang moden, sudah ada yang boleh dimegahkan. Wilayah yang telah dibangunkan ini yang menggunakan wang berjuta-juta kalau ditaksir sekarang ini diserahkan kepada kekuasaan Wilayah Persekutuan. Bukankah ini satu pengorbanan yang tidak dapat kita hendak sebutkan berapa nilainya. Tetapi kepada orang yang takut kepada bayang-bayangnya

Kalau seorang isteri diceraikan atau suaminya kahwin 4, dia diceraikan, ditinggalkan, maka bangunalah wanita itu mengadu, dia terpaksa mengadu. **Ke mana dia hendak mengadu?** Kalau dia mengadu ke Pejabat Kadhi di Dato Keramat, dia mengatakan ini Pejabat Kadhi Negeri Selangor, bukan Daerah Persekutuan. Jadi ke mana dia hendak mengadu? Sedangkan dalam Wilayah Persekutuan belum ada suatu Majlis Hal Ehwal Ugama ataupun belum ada satu Pejabat Ugama yang mengenai hal ehwal orang Islam yang tiap-tiap hari berlaku.

Orang yang duduk di dalam Wilayah Persekutuan ini boleh mengatakan saya tidak terkena dengan Undang-undang Majlis Ugama Islam Negeri Selangor, saya tidak terlibat dengan undang-undang Majlis Ugama Islam Negeri Perak dan sebagainya, saya terlibat dalam undang-undang ugama Islam yang berkaitan dengan Wilayah Persekutuan. Kita terpaksa bertanya kepada Yang Berhormat Peguam Negara, manakah undang-undang mengenai hal ehwal orang Islam di wilayah Persekutuan ini? Mungkin sementara ini bolehlah kita pakai, barangkali ada clause yang lain mengatakan sehingga undang-undang ini dibatalkan atau dimansuhkan atau dibuat baru, maka bolehlah dipakai mengikut undang-undang yang ada sekarang. Mungkin kita beralih ke situ. Tetapi dapatkah itu menjadi sebagai satu pegangan yang mutlak bagi sesuatu masalah yang dihadapi oleh rakyat dan adakah itu merupakan suatu penyelesaian bagi kehidupan seorang Muslim yang secara langsung terkena dengan peraturan ini.

Saya mencadangkan Kerajaan melantik Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Ugama Islam yang ada sekarang ini selain daripada satu badan di bawah Jabatan Perdana Menteri yang menjalankan aktiviti-aktiviti dan ketentuan-ketentuan yang diluluskan atau yang diarahkan, maka pejabat itu juga bolehlah disifatkan sebagai Pejabat Ugama Islam bagi Wilayah Persekutuan yang sesiapa pun kalau hendak kahwin bolehlah berjumpa dengan Imam Masjid Negara yang kita lantik sebagai Kadhi Besar bagi Wilayah Persekutuan ini. Kalau tidak, maka akan susahlah orang Islam ini ke mana hendak pergi. Dan secepat mungkin masalah ini diselesaikan adalah merupakan satu usaha yang sangat berkesan, sangat baik dan sangat mendatangkan faedah kepada orang Muslim yang ada di Wilayah Persekutuan ini, dan kalau tidak

masing-masing akan geleng kepala: saya tidak termasuk di bawah Undang-undang Ugama Negeri atau dia akan lari daripada Wilayah Persekutuan untuk mendaftarkan namanya dalam Negeri Selangor. **Oleh kerana** itu, saya mencadangkan supaya masalah-masalah yang ada kaitannya dengan Undang-undang Negeri kepada rakyat yang tinggal di Wilayah Persekutuan diselesaikan dengan secepat mungkin bukan sahaja masalah nikah kahwin, cerai-berai dan sebagainya, tetapi juga masalah yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu masalah tanah dan sebagainya. |

Saya rasa tidak banyak yang saya hendak katakan lagi, kerana kawan-kawan saya pun nampak hendak bercakap juga dalam masalah ini, tetapi rasanya tidak akan senang kalau saya tak kemukakan masalah ini di dalam Dewan ini untuk dipertimbangkan dan untuk dibahaskan serta untuk dijalankan suatu ikhtiar bagi menyelesaikan perkara-perkara yang mungkin timbul. Bagi penutupnya, saya mengucapkan sekali lagi terima kasih yang tinggi kepada pemimpin-pemimpin bagi negeri Selangor, terutamanya Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dan Ahli-ahli Exconya serta rakyat negeri Selangor yang telah begitu bersympati, bertimbang rasa, memandang jauh ke hadapan dengan tenang menerima dan menyerahkan wilayahnya seluas 94 batu persegi kepada Wilayah Persekutuan dan kita berdoa kepada Tuhan mudah-mudahan pelaksanaan bagi wilayah ini akan mendatangkan faedah bagi seluruh rakyat yang mendiami wilayah ini.

Tuan Lew Sip Hon: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang yang bertajuk Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2), 1973. Tetapi sebelum saya membuat demikian, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua atas ucapan mengalu-alukan saya sebagai Ahli Dewan ini dan saya berasa bangga dan gembira bagi pihak saya sebab dapat peluang menjadi salah seorang anggota dalam Dewan yang sangat disanjung tinggi ini.

Saya terpaksa menyatakan bahawa hari ini saya merasa seperti seorang murid yang baru datang ke sekolah kali pertama; sebagai seorang murid yang baru berada di dalam sekolah, saya memang merasa gugup atau

terkejut sebab dalam Dewan ini, terdapat ramai rakan-rakan Senator—Tan Sri-Tan Sri, Datuk-datuk, yang lebih pengalaman, lebih matang dalam lapangan politik dan lebih bijaksana daripada diri saya. Walaupun begitu, sebagai seorang ahli Dewan ini, saya merasa kewajipan saya ialah menyampaikan pendapat saya serta pendapat mereka yang saya mewakili itu tanpa perasaan takut atau berbelah bagi (without fear or favour) tentang perkara-perkara yang ada kaitan dengan kepentingan nasional yang dibentangkan di dalam Dewan ini.

Saya harap saya dapat memberi sekurang-kurangnya sedikit jasa atau daya upaya dalam perbincangan dalam Dewan ini supaya saya dapat memainkan peranan dalam tenaga untuk membina sebuah negara yang bersatu padu, berhormani dan progresif—sebuah negara di mana semua rakyat jelata Malaysia tidak mengira keturunan, kebudayaan dan ugama akan mendapat tempat yang sah dalam negara ini. Saya yakin dan berdoa supaya di masa hadapan apabila saya telah menghadiri lebih banyak kali persidangan di Dewan ini, saya akan mendapat banyak menafaat atau faedah dari mendengar hujjah-hujjah yang bijaksana dalam Dewan ini dan saya harap saya akan dapat mencontohi kebijaksanaan serta ketenangan rakan-rakan sejawat di Dewan ini.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang yang sedang dibahaskan ini, saya ingin menyatakan bahawa Rang Undang-undang ini adalah bersejarah dan tepat pada masanya (historic and timely). Bersejarah sebab buat kali pertama dalam sejarah moden Malaysia sesuatu daerah tanah negeri yang luas (lebih kurang 94 batu persegi) diserahkan sebagai Wilayah Persekutuan; tepat pada masanya selaras dengan perkembangan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Negara kita dalam lapangan kemajuan sosial, ekonomi dan politik, ianya tidak akan terkongkong lagi oleh pemisahan tanggungjawab Persekutuan dan Negeri, serta pertentangan kepentingan yang sentiasa menghalang kemajuan. Buat kali pertama Ibu Kota Kuala Lumpur kita dapat dimajukan dengan setipurna selaras dengan Dasar Ekonomi Baru di atas kawasan tanah yang keseluruhannya dikuasai dan dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan. Bagi kejayaan ini kita mestilah menyatakan perasaan hutang budi dan penghargaan ke atas Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Kerajaan Negeri

Selangor sebab timbang rasa dan keder-mawanan untuk menyerahkan segala ke-daulatan ke atas Wilayah ini kepada Kerajaan Persekutuan yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Saya harap Ibu Kota Kuala Lumpur akan dimajukan di masa hadapan supaya dapat melambangkan penduduk-penduduk kita yang “multi-racial, multi-kebudayaan dan multi-ugama” jika diizinkan saya meminjamkan (rangkai kata dalam pidato pemimpin, negarawan dan patriot yang ulung, Allahyarham Tun Dr Ismail pada hari sebelum beliau meninggal dunia). Dan bandaraya seperti itu tentu akan wujud sebagai suatu tugu peringatan yang hidup untuk menenangkan salah seorang anak Malaysia yang teragung ini pada zaman kita. We hope that Kuala Lumpur will be a living monument to perpetuate the memory of one of the greatest Malaysians of our time—the late Tun Dr Ismail Al-Haj. Oleh sebab Kerajaan Persekutuan akan mempunyai kuasa dan milik yang penuh ke atas Wilayah Persekutuan, maka terbukalah jalan untuk mengadakan “Master Plan” bagi Kuala Lumpur yang bukan hanya akan memenuhi kehendak-kehendak sebuah ibu kota yang berkembang dengan pesatnya dalam konteks ekonomi kita yang sedang berkembang juga akan mencerminkan cara hidup Malaysia seperti yang termaktub dalam Rukunegara.

Walaupun pada peringkat permulaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan dikendalikan mengikut Akta Ibu Kota Persekutuan, 1960, saya harap pada akhirnya ketika kita memajukan ke arah demokrasi yang lebih berdisiplin, Bandaraya Kuala Lumpur (barangkali lima tahun atau 10 tahun akan datang) akan mempunyai suatu Majlis Bandaraya yang dipilih oleh rakyat dengan seorang Datuk Bandar yang dipilih oleh rakyat juga. Untuk mencapai matlamat tersebut, saya mencadangkan supaya satu Kementerian Wilayah Persekutuan mesti diwujudkan dengan khasnya yang akan bertanggungjawab untuk menjalankan kuasa dan pentadbiran dengan keseluruhannya ke atas Wilayah Persekutuan yang dicadangkan itu. Tadi kita dengar Yang Berhormat bercakap mengenai beberapa masalah pelaksanaan dan pentadbiran mungkin akan timbul. Perlantikan seorang Menteri seperti ini bukan hanya akan mencapai tujuan perwakilan yang dipilih oleh rakyat, ianya akan bertanggungjawab dengan penuhnya untuk perkembangan

serta pentadbiran Ibu Kota Negara dan ianya akan menghapuskan birokrasi atau red tape dan pertentangan kepentingan yang biasanya wujud apabila perkara-perkara yang berlainan mesti dijalankan oleh Kementerian-kementerian atau Jabatan-jabatan yang berlainan seperti keadaan yang wujud sekarang.

Misalnya, pada masa sekarang Datuk Bandar mungkin terpaksa berhubung dengan Kementerian Pembangunan Tanah atas perkara-perkara tanah; atau dengan Kementerian Perusahaan Utama atas perkara-perkara perlombongan dan kehutanan; dan lagi dengan Kementerian Kerja Raya atas perkara-perkara kerja raya. Kiranya seorang Menteri Wilayah Persekutuan dilantik, dia tentu akan mempunyai bidangkuasa yang penuh ke atas semua perkara seperti tanah, hutan, perlombongan, kerja raya dan sebagainya di dalam Wilayah Persekutuan supaya rangkapan atau "duplication" dan pertautan atau "overlapping" dalam tugas-tugasnya dapat dielakkan. Dengan cara ini, perkembangan yang lebih lancar dan pesat boleh dijalankan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebuah Ibu Kota melaras dengan ilham atau asperasi nasional.

Berkenaan dengan bahagian kedua dalam Rang Undang-undang ini, yang menyentuh tentang susunan semula Dewan Rakyat yang mengakibatkan tambahnya 10 kerusi untuk Semenanjung Malaysia. Tambahan kerusi-kerusi tersebut adalah perlu sebab pengundi-pengundi yang terdiri dari penduduk-penduduk telah bertambah selepas Merdeka, tetapi saya harap Suruhanjaya Pilihanraya ketika memeriksa kembali pembahagian Negeri-negeri Malaysia ke konstituensi-konstituensi tentu akan menimbangkan keberatan yang adil (fair weightage) dalam pembahagian kerusi-kerusi di antara kawasan bandar dan kawasan desa. Walaupun faktor-faktor geografi seperti luasnya sesuatu daerah, jarak, dan kesulitan mencapai pengundi-pengundi adalah penting, keberatan mengikut jumlah pengundi-pengundi haruslah diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang Dipertua, saya hanya hendak memberikan pendapat saya dengan ringkas sahaja atas Bill ini, dan sebagai seorang Ahli Dewan ini, saya suka memberi tahniah kepada Ahli baharu kita di atas kemahirannya bercakap dalam bahasa Malaysia di Dewan ini yang mana kita rasa akan diikuti

oleh rakan-rakan kita yang lain di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, dan kiranya ada yang belum mahir akan memahirkan diri mereka supaya dapat mengikuti jejak rakan kita yang baharu ini.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini dan ingin mendapatkan sedikit penjelasan tentang bilangan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang ditambah 10 kerusi lagi dalam Semenanjung Malaysia ini. Kalau dibandingkan dengan Negeri-negeri yang ada ini, pada saya tambahan 10 kerusi itu tidak cukup, sepatutnya Dewan Rakyat ini ditambah lebih daripada 10 kerusi, kalau dibandingkan dengan Negeri-negeri yang ada. Kalau kita tengok Wilayah Persekutuan ini hendak diadakan 5 orang Ahli berbanding dengan Negeri yang telah ada seperti Negeri Trengganu ada 7 orang ahli, Negeri Pahang 8 orang ahli dan Negri Sembilan 6 orang ahli. Kalau kita lihat keadaan perbezaan jumlah wakil-wakil Dewan Rakyat di Negeri-negeri ini, saya rasa, ada baiknya pada masa akan datang Kerajaan akan mengulang kaji balik angka ini supaya dapat ditambahkan. Umpamanya, Negeri Pahang satu negeri yang begitu besar, Negeri Trengganu juga hasilnya bukan kurang, kawasannya luas kalau hendak dibandingkan dengan Wilayah Persekutuan ini. Kalau Wilayah Persekutuan ini luasnya 94 batu persegi ada 5 orang wakil, negeri Pahang sebuah negeri yang mengeluarkan hasil yang begitu besar dan banyak dengan masa hadapan yang begitu cerah dalam bantuan untuk membina Malaysia ini, dan kita tetapkan wakil dari Pahang begitu sedikit ahlinya, maka tidaklah patut kita buat begitu. Saya cadangkan apabila kita luluskan undang-undang ini, maka tidak berapa lama lagi Kerajaan akan mengkaji balik untuk menambahkan seberapa banyak yang patut kepada Ahli Dewan Rakyat ini. Kalau hendak tambah Ahli Dewan Negara sebagaimana rakan saya Tuan Haji Othman Abdullah cadangan itu boleh ditambahkan, sebab Dewan Negara ini tidak menyentuh kawasan pilihanraya, tidak menyentuh soal mewakili rakyat. Kalau tidak ditambahpun tak apa, kalau hendak tambahpun boleh, tetapi bagi kawasan-kawasan pilihanraya, bagi rakyat mereka perlu kepada wakil yang boleh memberi fikiran dan mengambil tahu kedudukan negeri-negeri itu. Ini perlu dipertimbangkan dan kalau sekiranya kawasan-kawasan pilihanraya ini hendak diatitkan, saya rasa mustahak satu kajian yang cermat,

kerana banyak kawasan-kawasan pilihanraya itu tidak begitu teratur, kadang-kadang kawasan itu jauh di antara satu-satu kawasan yang diduduki oleh rakyat dengan kawasan pilihanraya yang mereka pergi mengundi. Ini tentulah mustahak dibuat satu kajian yang halus supaya keadaan kedudukan kawasan pilihanraya itu tidaklah begitu menyusahkan rakyat menemui wakilnya setelah mengadakan pilihanraya.

Inilah sahaja pandangan saya secara ringkas dan saya rasa undang-undang ini boleh diterima oleh semua orang dan tidaklah perlu kita bahas dengan panjang lebar, sebab yang mustahak disegerakan pindaan Perlembagaan yang terpenting ini.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang Dipertua, terkejut juga saya nampaknya had ini sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat yang suka menyumbangkan perbahasan dalam undang-undang yang begini mustahak yang saya sangka boleh jadi makan masa tiga empat hari, nampaknya habis sehari seperti juga di Dewan Rakyat.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita bandingkan Kepala Negeri baru kita atau Wilayah Persekutuan yang ada sekarang ini dengan Federal Territory atau wilayah kepala negeri yang lain-lain seperti Washington bagi United States; Ottawa bagi Kanada; Canberra bagi Australia, kita dapati boleh dikatakan apakala mengadakan Persekutuan antara negerinegeri itu pada masa itu, mereka telah sedia mengadakan satu kawasan khas yang dijadikan wilayah Kepala Negerinya. Dengan demikian dapatlah satu kawasan yang boleh dikatakan pada mula awalnya satu kawasan yang kosong, luas dan kemudian diatur dengan satu master plan dalam masa jangka yang panjang untuk dijadikan kepala negeri itu.

Misalnya, Canberra yang mana kebanyakan kita telah pergi apakala masa ditubuhkan negeri Australia itu dicantumkan, maka diadakan kawasan Canberra, tetapi planning dia mengatur bandar itu telah diatur pada mulanya lebih kurang 50-60 tahun dahulu sampai sekarang yang saya tahu belum akhir lagi. Katanya akan mengambil masa, dia hendak mengatur lebih kurang 100 tahun. Kepala Negeri seperti itu dan negeri lain dapat diatur dengan secara cukup teratur dan cantik dengan mengambil masa yang panjang.

Tetapi malangnya, bagi negeri kita pada hari ini telah 12 tahun merdeka, Kuala Lumpur yang mana kita tahu dengan keadaan yang ada, jalan yang kecil, kadang-kadang sempit selok-beloknya kita terus jadikan Wilayah Persekutuan atau Federal Territory. Ini satu masalah yang besar yang kita hadapi.

Pada pandangan saya hendak membetulkan keadaan yang ada di Kuala Lumpur sekarang ini sungguhpun kita tambah kawasannya daripada dahulu dekat 2 kali ganda menjadikan 94 batu persegi akan mengambil masa cukup panjang rasanya kalau hendak betul segala-segalanya jadi satu Kepala Negeri yang teratur cukup kalau dibandingkan dengan negeri yang lain. Saya tidak tahu berapa lama masanya, boleh jadi 20 atau 30 tahun baru dapat kita kemaskan. Itulah satu sebabnya kawasan Wilayah Persekutuan ini dibesarkan dekat 2 kali ganda daripada kawasan bandarnya yang ada menjadi kawasan 94 batu persegi banyak kawasan yang masih lagi lapang supaya Kerajaan dapat menggunakan kawasan yang banyak lapang itu, sebelah utara dan selatannya untuk mengaturkan semula bandaraya kita.

Yang keduanya, apakala kita mula membawa undang-undang yang lepas dahulu ke Parlimen ini Kerajaan telahpun mengadakan satu Jawatankuasa Khas yang diketuai oleh Ketua Setiausaha Negara dan diwakili oleh semua Kementerian, pakar-pakar di dalamnya bagi mengaturkan segala pentadbiran, peralihan kuasa yang akan dibuat pada masa yang akan datang dan undang-undang yang dibuat pada masa yang akan datang.

Perkara ini adalah sedang berjalan dengan giatnya sekarang. Misalnya berkenaan dengan bayaran wang gantirugi yang patut kita bayar kepada Kerajaan Negeri Selangor, kita telah memberi wang pendahuluan bagi sementara itu, kalau saya tak salah lebih kurang \$200 juta wang pendahuluan supaya dapat Kerajaan Selangor segera membangun dan membuat Kepala Negeri Selangor yang baharu Shah Alam, kerana kalau hendak ditentukan berapa yang patut dibayar dan mentaksirkan segala hartabenda Negeri Selangor yang ada dalam wilayah 94 batu persegi ini, akan mengambil masa yang panjang boleh jadi setahun atau dua tahun. Itu satu daripada yang kita telah buat, kalau ada apa-apa bayaran yang kita bayar, maka

bayaran itu adalah saya fikir yang cukup menasabah dan bagaimana kita semua maklum negeri Selangor akan juga menikmati segala perkembangan ekonomi yang lain-lain bagi Wilayah Persekutuan, "We share the prosperity of Kuala Lumpur" dalam hasilnya dan lain-lain pada masa yang akan datang.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang lain, saya rasa ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyentuh atas perkara yang sama. Adalah diingati iaitu apakala kita meluluskan Undang-undang Wilayah Kuala Lumpur ini akan menjadi kawasan Persekutuan yang ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan dan segala hak kuasa dipindahkan oleh Kerajaan Persekutuan ialah pada 1-2-1974. Pada hari apakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menandatangani perjanjian itu, maka pada hari itulah baru tertubuhnya Wilayah Persekutuan dan apakala ditubuh Wilayah Persekutuan, segala kuasa-kuasa yang ada di dalam tangan Kerajaan Negeri pada masa ini adalah diambil kuasa oleh Kerajaan Persekutuan.

Banyak perkara-perkara yang selama ini dalam wilayah Kuala Lumpur yang dijalankan oleh Kerajaan Selangor akan diambil kuasa dan ditadbirkan oleh Kerajaan Persekutuan dengan mengadakan undang-undang samada undang-undang baru atau menggunakan bagi sementara undang-undang negeri yang ada itu diubah sesuaikan (modify) supaya boleh digunakan bagi Kerajaan Persekutuan sementara kita mengambil masa menggubal satu undang-undang bagi Wilayah Persekutuan. Misalnya, saya memanglah telah menasihatkan kepada Kerajaan bahawa sekarang pun kita telah mengadakan bagi menggubal satu undang-undang baru berkenaan dengan Ugama Islam supaya menjadi model dan contoh, kalau boleh kepada Kerajaan Negeri yang lain.

Tetapi kita hendak bawa undang-undang itu pada sebelum 1hb Februari, 1974 tidak boleh, kerana macam mana hendak dibawa undang-undang di dalam Parlimen, kalau Kerajaan Persekutuan belum lagi ada kuasa dalam Wilayah Persekutuan. Untuk sementara ini satu kesusahan, misalnya saya hendak gambarkan di Dewan ini. Pada 1hb Februari, 1974 sebelum itu kita tidak boleh mengadakan undang-undang ugama Islam bagi Wilayah Persekutuan, kita sedia dan kita menggunakan satu undang-undang

misalnya Undang-undang Islam Negeri Selangor atau Negeri Sembilan atau mana-mana satu undang-undang negeri yang baik sekali untuk diubahsuaikan (modify) perkataan-perkataan di dalamnya untuk digunakan bagi Kerajaan Persekutuan, kemudian selepas dua tiga bulan baru kita bawa Rang Undang-undang untuk diluluskan. Itu caranya. Demikian juga atas semua perkara lain.

Apakala kita adakah Undang-undang Ugama Islam tentu sekali kita akan tadbirkan bagaimana Kerajaan Negeri mentadbirkan Jabatan Ugamanya, kalau boleh, lebih baik lagi, lebih kemas lagi supaya yang selama ini kita laong-laongkan, kita kata, kadang-kadang kita keritik Kerajaan Negeri tidak menjalankan pentadbiran ugama begitu licin dan lain-lain, kita tunjukkan kalau boleh kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya kalau boleh mereka itu mengikut cara kita. Pada fikiran saya Kerajaan akan mengadakan jawatan ugama, Pejabat Mufti dan Kadhi, Mahkamah Syariah, kakitangan masjid-masjid hendak digaji oleh Kerajaan bukan Masjid Negara sahaja, masjid-masjid yang lain yang difikirkan layak imam-imamnya, bilal, khatib dibayar gaji dan lain-lain pentadbiran masjid itu dibiayai atau dibelanjakan oleh Kerajaan Persekutuan. Bagaimana juga Kerajaan Negeri boleh mengadakan imam masjid dalam wilayah-wilayahnya. Jadi, tidak timbullah kesusahan. Saya harap orang-orang Islam yang ada di dalam Persekutuan mengatakan pada hari itu dia tidak ada undang-undang personal law. Ada undang-undang cerai, nikah dan lain-lainnya akan dijalankan.

Satu perkara yang timbul kesusahan kita Pejabat Tanah misalnya. Segala pentadbiran Jabatan Tanah itu kita mesti adakan Pegawai Daerah bagi Kuala Lumpur bagi pentadbirannya. Bukan senang kita hendak adakan sertamerta pada 1hb Februari, 1974 sebuah Pejabat Tanah di Kuala Lumpur kita tentu menggunakan undang-undang yang ada, boleh jadi machinery pentadbiran yang ada di Kuala Lumpur itu kita beri kuasa kepada dia sebagai wakil Kerajaan Persekutuan menjalankan, memungut hasil, mengeluarkan geran seperti biasa supaya tidak ada kesusahan bagi rakyat jelata. Dalam masa itu geran yang baru tentu berubah pada masa akan datang dan segala-galanya akan diubah. Dalam masa peralihan ini akan mengambil masa setahun dua dan tentulah kita hendak

menggunakan machinery pentadbiran ataupun cara pentadbiran yang ada sekarang ini hendaklah dijalankan supaya tidak ada ~~mendatangkan kesusahan kepada rakyat jelata.~~

Berkenaan dengan cadangan patut dan dua orang wakil bagi kawasan Persekutuan dari Dewan Negara ini bagi mewakili Wilayah Persekutuan, saya tidak bersetuju di dalam perkara itu, kerana bagaimana Ahli Yang Berhormat yang lain juga telah bercakap menyatakan bila kita ada Federal Territory segala Federal Territory atau Wilayah Persekutuan ialah disifatkan sebagai sebuah negeri, bukan betul-betul ada sebuah negeri yang kita adakan wakilnya di dalam Dewan Negara ini. Perkara ini tidak akan timbul, kerana Wilayah Persekutuan itu tanggungjawabnya ialah Kerajaan Persekutuan dan wakil di dalamnya, baik-buruknya Wilayah Persekutuan ini ialah tanggungjawab semua Ahli-ahli Dewan Negara dan Rakyat, kerana itu adalah Kepala Negeri bagi negeri Malaysia yang dipunyai oleh semua rakyat Malaysia. Kalau kita ada dua orang wakil bagi Kepala Wilayah Persekutuan, maknanya kita memperkecilkan wilayah itu untuk dua orang sahaja wakilnya, bukan dipunyai oleh Malaysia lagi, jadi tidak kena tempatnya kalau kita adakan wakil yang dua orang itu. Ada Ahli Yang Berhormat bertanya, meng-~~apakah Kerajaan mencadangkan dalam Rang Undang-undang ini supaya Wakil Rakyat bagi Wilayah Persekutuan itu diadakan 5 orang ahli.~~ Sebenarnya kita telah banci iaitu dalam kawasan 94 batu persegi yang ada sekarang ini bilangan pengundi-pengundi yang ada dan kawasan yang diwakilinya ialah lebih kurang $4\frac{1}{2}$ Ahli Parlimen Dewan Rakyat yang ada sekarang ini, kerana memandangkan Kepala Negeri ini akan bertambah ramai lagi, maka adalah difikirkan 5 orang ahli ialah akan mewakili di Dewan Rakyat bagi Wilayah Persekutuan, kerana yang ada sekarang inipun lebih kurang $4\frac{1}{2}$ dan kita telah fikirkan juga bilangan pengundi-pengundi yang sekarang ini kalau kita beri 5 orang ahli bagi pengundi yang ada sekarang ini kalau dibandingkan kepada wakil Dewan Rakyat di negeri-negeri yang lain ialah lebih dua kali ganda banyaknya. Bilangan yang ada itu daripada bilangannya adalah difikirkan menasabah, kerana ada seorang Ahli Yang Berhormat tadi mengatakan boleh jadi, kata dia, seorang wakil bagi Wilayah Perse-

kutuan itu boleh mewakili cuma 20,000 pengundi. Ini tidak begitu. Saya fikir kalau dalam sebuah negeri itu 20,000 pengundi dalam Wilayah Persekutuan lebih kurang 40,000 pengundinya bagi seorang.

Berkenaan dengan cadangan apakah mazhab atau tidak ada mazhab berkenaan Majlis Ugama Islam yang kita hendak berpegang pada masa akan datang. Ini samada kita hendak berpegang kepada ahli-sunnah waljemaah atau berpegang kepada sesuatu mazhab. Sebenarnya kalau Ahli Yang Berhormat itu baca betul-betul bahawa tiap-tiap Negeri kita, Ketua bagi Ugama Islam ialah Sultan yang memerintah Negeri itu ialah Ketua Ugama bagi negeri itu. Sultan yang berkuasa bukan Dewan Negeri yang berkuasa dalam Negeri itu, bukan Menteri Besar, kerana boleh jadi Menteri Besar pada satu hari kelak bukan orang Melayu, jadi bagaimana hendak menasihatkan Raja. Itulah sebabnya di dalam Perlembagaan ada menyatakan kuasa ugama itu ialah di tangan Raja sendiri yang dinasihatkan oleh satu Majlis Ugama yang dia sendiri melantiknya bagi menasihatkan baginda berhubung dengan Ugama Islam.

Bagi Negeri Pulau Pinang dan Melaka pula maka pada masa ini Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Ugama Islam. Sekarang kita tambah lagi Yang di-Pertuan Agong menjadi Ketua Ugama Islam bagi Wilayah Persekutuan, maka bukan Dewan Rakyat, bukan Dewan Negara dan bukan Parlimen yang menentukan, apakah samada hendak meng-~~adakan mazhab atau tidak dalam ugama itu,~~ yang menentukannya ialah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dinasihatkan oleh Majlis Ugama Islam yang akan dilantik, bagindalah yang akan menentukan dan bertanggungjawab kepada Kabinet.

Saya harap dengan keterangan itu pada masa akan datang tidak akan timbul salah faham berkenaan dengan ugama Islam ini, kerana sekarang kita telah tahu bahawa dalam Wilayah Persekutuan hak kedaulatan ugama Islam itu ialah di tangan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berkuasa. Kalau begitu bunyinya, maka termasuklah Undang-undang Hasutan juga iaitu sesiapa yang menyoal dan mengungkit hak-hak Raja-raja termasuk Yang di-Pertuan Agong berkenaan dengan

hal ugama dan lain-lain adalah satu kesalahan, tetapi tentang perlaksanaannya, boleh dicakapkan. Maka ini saya terangkan lagi bagi pengetahuan am di Dewan ini.

Berkenaan dengan tanah Reserve Melayu banyak menyentuh tadi dan di Dewan Rakyat ada disebutkan perkara ini. Saya menyatakan di sini tidak ada apa-apa perubahan kelak dalam syarat tanah itu, iaitu tanah-tanah itu akan terus tetap ditadbir di bawah mengikut Enactment Malay Reservation, kekal selama-lamanya itu saya hendak terangkan di sini.

Pada masa akan datang kita akan bertanya kelak apa akan jadi kepada tanah Malay Reservation yang ada dalam Persekutuan itu kelak kekal di dalam Malay Reservation itu bagaimana pula pembangunannya, pentadbirannya dan kebaikannya pada masa akan datang. Maka dengan itu terpulanglah kepada pentadbiran Wilayah Persekutuan pada masa akan datang.

Berkenaan dengan pentadbiran, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang baharu Tuan Lew Sip Hon kerana sememang ada dalam kepala saya dan juga saya fikir ada juga dalam timbangan Wilayah Persekutuan yang ada ini apakala Wilayah Persekutuan ini akan datang ditadbirkan sebulat-bulatnya oleh Kerajaan Persekutuan, maka segala tanggungjawab yang selama ini dibebani, di bawah, dijagai, dikuasai oleh Kerajaan Negeri akan pindah pula kepada Kerajaan Persekutuan. Bebanan ini telah bertambah banyak, samada Kerajaan akan mencadangkan seorang Menteri lain, satu Kementerian yang digelarkan Minister for Federal Territory atau Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan Wilayah Persekutuan dengan sebab tanggungjawabnya adalah sangat berat, itu akan ditimbang oleh Kerajaan, samada seorang Menteri akan menjaga khas baginya atau satu komiti Menteri yang menjaganya ataupun Jemaah Menteri sendiri akan menjaga pentadbiran itu akan ditimbang oleh Kerajaan memandangkan kepada beratnya tanggungjawab kita pada masa akan datang.

Berkenaan dengan Master Plan, suka saya menyatakan di sini sungguhpun Menteri yang berkenaan tiada di sini, Master Plan yang ada sedang dikaji semula. Saya percaya Menteri yang berkenaan itu kelak akan mengambil ingatan atas segala teguran-

tegaran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi berkenaan pindaan Perlembagaan ini.

Berkenaan dengan cadangan assessment dalam kawasan Malay Reserve dan kawasan-kawasan yang masih mundur lagi, saya ambil ingatan juga iaitu Menteri yang berkenaan pada masa akan datang akan memberi pertimbangan yang sewajarnya, yang seadil-adilnya bagi kawasan-kawasan khasnya kawasan dalam Malay Reserve, bumiputra yang bagaimana kita tahu masih mundur, yang dikatakan belum dapat banyak kemudahan-kemudahan yang patut diterima dan tidak patutlah mereka itu membayar assessment yang sepenuh-penuhnya seumpama bagi kawasan-kawasan lain samada hendak dilepaskan terus sampai mereka itu mendapat segala kesenangan dan kemudahan ataupun dibayar dengan sekecil-kecilnya sahaja mengikut keadaan, perkara itu akan ditimbang pada masa akan datang.

Berkenaan dengan pertanyaan Yang Berhormat Tuan Amaluddin Darus perlantikan seorang ahli oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dalam Majlis Penasihat Kerajaan dalam Wilayah Persekutuan. Perkara ini suka saya menerangkan di sini ialah dengan kehendak Duli Yang Maha Mulia dan juga Negeri Selangor bagi satu tanda mengingati yang satu masa dahulu wilayah 94 batu, yang begini kaya, yang begini maju ialah satu masa dipunyai oleh Negeri Selangor yang diperintah oleh Kerajaan Selangor, Raja Selangor, Sultan Selangor. Untuk mengenangkan jasa-jasa itu, satu kenangan Kerajaan fikir memanglah patut dan wajar yang kita beri kehormatan itu kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor melantik ahli itu dalam Majlis Mentadbirkan Wilayah Persekutuan. Ini saya fikir tidak patutlah kita bangkitkan, boleh jadi ditimbulkan oleh salah faham dalam perkara ini. Itulah satu perkara sahaja yang kita ada ikatan lagi antara Wilayah Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Selangor. Ugama misalnya telah diambil segala-galanya, telah diserahkan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Kuasa memaafkan atau mengampunkan—(Pardon's Board) pada masa akan datang seseorang yang melakukan kesalahan dalam Wilayah Persekutuan, maka kuasa memaafkan atau mengampunkan itu dan dipulangkan, dipegang, diberi kuasa itu kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong

dengan dinasihati oleh suatu Jawatankuasa. Segala kuasa-kuasa itu semua telah diambil alih oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Itulah satu kuasa yang saya telah tertinggal tadi, saya katakan berilah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor itu kuasa untuk mewakili, melantik seorang orang Negeri Selangor kalau boleh menjadi ahli dalam Majlis Mesyuarat.

Saya fikir tidak adalah perkara-perkara lain yang mustahak yang dapat saya jawab dalam masa singkat ini. Walau bagaimanapun kalau tidak dijawab perkara yang telah dibangkitkan dan yang ditegurkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, telah diambil ingatan dan saya bagi pihak Kerajaan mengucapkan setinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap pada hari ini memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran berkenaan dengan Undang-undang yang ada di hadapan kita.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, saya minta penjelasan sedikit daripada Yang Berhormat Peguam Negara kita. Rasa saya perkara ini amatlah penting. Beliau telah terangkan tadi bahawa Yang di-Pertuan Agong akan menjadi Ketua Ugama Islam bagi Wilayah Persekutuan dan di sini mungkin timbul sedikit perselisihan ataupun interpretasi. Ini berkenaan dengan Perkara 3, Fasal 5 yang baharu. Di sini dia menyatakan:

“3. (5) Walau apa-apa jua dalam Perlembagaan ini, Yang di-Pertuan Agong hendaklah menjadi Ketua Ugama Islam dalam Wilayah Persekutuan; dan bagi maksud ini Parlimen boleh dengan undang-undang membuat peruntukan-peruntukan bagi mengadakan peraturan mengenai hal ehwal ugama Islam dan bagi menubuhkan suatu Majlis untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengenai perkara-perkara berhubung dengan ugama Islam”.

Saya harap apa tafsiran di bawaah ini, iaitu Parlimen bukannya sahaja berkuasa mengadakan peruntukan-peruntukan bagi mengenai hal ehwal ugama Islam, tetapi juga yang satu lagi itu yang menubuhkan satu Majlis untuk menasihati Yang di-Pertuan Agong. Saya rasa di sini apa yang dimaksudkan dan saya harap ialah kuasa Parlimen itu bukannya menentukan siapa yang menganggotai Majlis tadi

cuma kuasa Parlimen mengadakan peruntukan-peruntukan, mengadakan peraturan-peraturan dan juga menubuhkan suatu Majlis. Maknanya bukanlah Parlimen yang menentukan siapakah yang akan menjadi anggota Majlis. Saya harap Yang Berhormat Peguam Negara dapat menjelaskan dengan seterang-terangnya supaya perkara ini tidak keliru di kemudian hari.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang membawa perkara ini. Sebetulnya sebagaimana juga undang-undang bagi Majlis Ugama Islam di tiap-tiap Negeri dan regulations semua undang-undang itu diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri tetapi kuasa-kuasa perlantikan dan lain-lain ialah dipulangkan kepada Raja yang memerintah Negeri itu. Demikian juga dalam seksyen 11 ini terang dan nyata betul sebagaimana yang diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu Parlimen boleh membuat undang-undang mengadakan peruntukan (provision) dan juga menjadi undang-undang berkenaan dengan Council yang dinasihatkan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam semua perkara Ugama Islam di negeri ini tidaklah bermakna Parlimen ada berkuasa melantiknya. Parlimen cuma mengadakan undang-undang dan peruntukan sahaja, tetapi selepas undang-undang itu dibuat segala kuasa-kuasa melantik, menentukan siapa dia semua, terpulang kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu betul sebagaimana yang diterangkan. Saya harap Ahli Yang Berhormat ambil ingatan supaya kita tidak dapat ksilapan pada masa akan datang.

Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju, 49; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof
 Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani
 Tan Sri Datuk S. O. K. Ubaidulla
 Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan
 Tan Sri Mohamed Noor Tahir (T. H.)
 Tan Datuk J. E. S. Crawford
 Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali
 Datuk E. E. C. Thuraisingham

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya
 Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar
 Tan Sri Gan Teck Yeow
 Tuan Awang Daud Matusin
 Tuan G. Louis
 Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah
 Datuk Dr Cheah Toon Lok
 Datuk Athi Nahappan
 Wan Sulaiman bin Wan Tam
 Datuk Foo See Moi
 Tuan Haji C. D. Ismail
 Tuan A. Arunasalam
 Puan Dasimah Dasir
 Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin
 Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin
 Tuan Thomas Kana
 Tuan Amaluddin bin Darus
 Datuk Mansor bin Mohamad
 Tuan Abu Bakar bin Ahmad
 Dr Lim Ah Sitt
 Tuan Yeap Kheng Yam
 Datuk Chan Kwong Hon
 Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob
 Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan
 Datuk Chong Foo Khin
 Tuan Haji Ali bin Haji Ismail
 Dr Mahathir bin Mohamed
 Tuan Wong Seng Chow
 Tuan Haji Hassan bin Haji Yaakub
 Tuan Chua Ching Cheng
 Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim
 Tuan Shaari bin Jusoh
 Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong
 Datuk Ngau Ken Lock
 Datuk Khoo Siak Chiew
 Datuk Temenggong Oyong Lawai Jau
 Tuan Ting Ming Hia
 Tuan Oh Siew Aun
 Datuk Syed Hassan Aidid
 Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin
 Tuan Lew Sip Hon.

YANG TIDAK BERSETUJU:
 Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI:
 Tiada

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walaupun Peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang Dipertua saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walaupun Peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) telah dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (No. 2)

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Mesyuarat bersidang semula

Bacaan Kalf Yang Ketiga

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Tuan Yang Dipertua, saya mohon memaklumkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi meminda Perlembagaan Persekutuan, telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani:
Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.
Usul dikemuka bagi diputuskan.

Dewan berbelah-bahagi: Yang Bersetuju,
49; Yang Tidak Bersetuju, Tiada; Yang
Tidak Mengundi, Tiada.

YANG BERSETUJU:

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof
Puan Aishah binti Haji Abdul Ghani
Tan Sri Datuk S. O. K. Ubaidulla
Tan Sri Haji Abdul Hamid Khan
Tan Sri Mohamed Noor Tahir (T. H.) Tan
Datuk J. E. S. Crawford
Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali
Datuk E. E. C. Thuraisingham
Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya
Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar
Tan Sri Gan Teck Yeow
Tuan Awang Daud Matusin
Tuan G. Louis
Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah
Datuk Dr Cheah Toon Lok
Datuk Athi Nahappan
Wan Sulaiman bin Wan Tam
Datuk Foo See Moi
Tuan Haji C. D. Ismail
Tuan A. Arunasalam
Puan Dasimah Dasir
Tuan Zainuddin bin Haji Mohd. Sidin
Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin
Tuan Thomas Kana
Tuan Amaluddin bin Darus
Datuk Mansor bin Mohamad

Tuan Abu Bakar bin Ahmad
Dr Lim Ah Sitt
Tuan Yeap Kheng Yam
Datuk Chan Kwong Hon
Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob
Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan
Datuk Chong Foo Khin
Tuan Haji Ali bin Haji Ismail
Dr Mahathir bin Mohamed
Tuan Wong Seng Chow
Tuan Haji Hassan bin Haji Yaakub
Tuan Chua Ching Cheng
Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim
Tuan Shaari bin Jusoh
Datuk Wan Ibrahim bin Wan Tanjong
Datuk Ngau Ken Lock
Datuk Khoo Siak Chiew
Datuk Temenggong Oyong Lawai Jau
Tuan Ting Ming Hia
Tuan Oh Siew Aun
Datuk Syed Hassan Aidid
Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin
Tuan Lew Sip Hon.

YANG TIDAK BERSETUJU:

Tiada

YANG TIDAK MENGUNDI:

Tiada

Rang Undang-undang dibacakan kali yang
ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang Dipertua: Majlis ditangguhkan
sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.37
petang.*